Prospek dan Dasar

90-99 Prospek Ekonomi Dunia
99-105 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2002
105-109 Pengurusan Ekonomi pada Tahun 2002
109-111 Dasar Monetari pada Tahun 2002
111-113 Dasar Fiskal pada Tahun 2002

Prospek dan Dasar

PROSPEK EKONOMI DUNIA

Perkembangan pada tahun 2001 dan awal tahun 2002

Kelembapan ekonomi dunia yang bermula pada lewat tahun 2000 adalah lebih buruk daripada yang dijangkakan. Perkembangan selepas 11 September telah meningkatkan lagi risiko untuk mencapai pemulihan ekonomi yang lebih awal. Pada separuh kedua tahun 2001, **pertumbuhan keseluruhan blok ekonomi utama** merosot sebanyak 0.5% berbanding pertumbuhan yang sederhana pada separuh pertama tahun ini (1.5%). Kehilangan keyakinan serta kelembapan aktiviti ekonomi selepas 11 September, terutamanya di Amerika Syarikat (AS), telah menjejaskan pertumbuhan dunia yang juga ditunjukkan oleh penurunan dalam perdagangan global. Pada tahun 2001, **pertumbuhan dunia** mencatat 2.4%, iaitu separuh daripada pertumbuhan pada tahun sebelumnya, sementara pertumbuhan perdagangan dunia merosot daripada pertumbuhan dua angka kepada hanya 1% pada tahun 2001. Pertumbuhan di **negara-negara perindustrian utama** sebagai satu kumpulan merosot untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1%.

Jadual 3.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	KDNK benar (%)			Harga pengguna (%)		
	2000	2001*a*	2002*r*	2000	2001*a*	2002*r*
Pertumbuhan dunia	**4.7**	**2.4**	**2.6**	**-**	**-**	**-**
Perdagangan sedunia	**12.4**	**1.0**	**2.0~2.5**	**-**	**-**	**-**
Negara-negara perindustrian utama	**3.5**	**1.1**	**1.1**	**2.3**	**2.1**	**1.2**
Amerika Syarikat	4.1	1.2	1.4	3.4	2.8	1.6
Jepun	2.2	-0.5	-0.5	-0.8	-0.7	-1.0
Kawasan euro	3.4	1.6	1.3	2.3	2.6	1.8
United Kingdom[1]	3.0	2.4	2.0	2.1	2.1	2.4
Asia Timur	**7.6**	**3.7**	**4.6~4.8**	**1.1**	**2.4**	**2.2~2.3**
NIE Asia	**8.3**	**0.6**	**2.7~2.9**	**0.8**	**1.1**	**0.8~0.9**
Korea	8.8	3.0*r*	3.9	2.3	4.3	3.0
Taiwan	5.9	-1.9	2.3	1.3	0.0	0.7
Singapura	10.3	-2.0	1.0~3.0	1.3	1.0	-1.0~0.0
Hong Kong SAR[2]	10.5	0.1	1.0	-3.8	-1.6	0.0
Republik Rakyat China	**8.0**	**7.3**	**7.0**	**0.4**	**0.8**	**1.0**
ASEAN[3]	**6.4**	**1.5**	**2.8~3.6**	**2.9**	**5.9**	**5.0~5.5**
Malaysia	8.3	0.4	3.5	1.6	1.4	1.8
Thailand	4.4	1.5*r*	2.0~3.0	1.6	1.6	0.0~1.0
Indonesia	4.8	3.3	3.5~4.0	3.8	11.5	10.9
Filipina	4.0	3.4	4.0~4.5	4.4	6.1	5.0~6.0

[1] Inflasi merujuk kepada Indeks Harga Runcit, tidak termasuk kadar faedah cagaran.
[2] Inflasi merujuk kepada harga komposit.
[3] Termasuk Singapura.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber : Tabung Kewangan Antarabangsa, Datastream, Prospek Ekonomi OECD, Sumber daripada pihak berkuasa

Pada awal tahun 2001, dijangkakan bahawa hanya negara-negara yang mempunyai kaitan perdagangan dan pelaburan yang rapat dengan AS sahaja akan terjejas, terutamanya Kanada, Asia Pasifik dan Amerika Latin, sementara Eropah akan dapat mengelak daripada kesan tersebut. Tetapi seterusnya, perkembangan di AS, melalui integrasi pasaran modal yang semakin bersepadu, telah turut memberi kesan negatif yang lebih buruk kepada seluruh rantau.

Kelemahan di kawasan euro bukan sahaja disebabkan oleh permintaan luar negara yang lebih rendah tetapi juga disebabkan oleh kenaikan inflasi di luar jangkaan berikutan kesan daripada kenaikan harga minyak, yang telah menghadkan fleksibiliti dasar. Berhubung dengan ekonomi serantau, selain daripada kelembapan AS yang lebih teruk, kemelesetan yang lebih buruk dan berpanjangan dalam sektor elektronik telah menyebabkan pertumbuhan menurun dengan lebih nyata daripada jangkaan awal. Pada tahun 2001, pertumbuhan di **Asia Timur** merosot kepada 3.7%, dengan pertumbuhan ekonomi beberapa negara (Taiwan dan Singapura) menjadi negatif. Secara keseluruhannya, kelembapan pertumbuhan ekonomi serantau telah dibendung oleh pertambahan rangsangan fiskal dan dasar monetari yang longgar. Hanya Republik Rakyat China sahaja yang terus mencatat pertumbuhan yang tinggi iaitu sebanyak 7.3%, disokong oleh perbelanjaan fiskal dan pelaburan swasta yang kukuh, terutamanya dalam bentuk pelaburan langsung asing.

Tindak balas dasar yang segera daripada seluruh dunia pada sepanjang tahun 2001 dan sejurus selepas 11 September telah membantu membendung kelembapan ekonomi. Khususnya, langkah-langkah dasar monetari yang longgar yang dilaksanakan seiring dengan langkah-langkah

fiskal tambahan oleh negara-negara perindustrian utama telah memulihkan keyakinan dan berkesan dalam membantu mengekalkan perbelanjaan pengguna.

Akibat daripada keadaan ekonomi global yang lebih lemah, **keadaan pasaran pekerja** telah merosot di kebanyakan negara oleh kerana syarikat-syarikat telah mengurangkan tenaga kerja mereka sebagai sebahagian daripada proses konsolidasi korporat. Bagaimanapun, purata kadar pengangguran di Eropah telah menurun pada tahun ini, walaupun terdapat pengumuman pemberhentian pekerja secara besar-besaran oleh syarikat-syarikat perkilangan. Perkembangan yang baik ini disebabkan oleh pasaran pekerja yang lebih fleksibil di kawasan euro berikutan pelonggaran syarat-syarat pekerjaan dan sektor perkhidmatan yang terus kukuh di United Kingdom (UK). Sementara itu, **tekanan inflasi** dapat dibendung pada tahun ini berikutan kemerosotan dalam harga tenaga, permintaan global yang lemah dan tekanan upah yang rendah.

Pada tahun 2001, ekonomi AS telah merosot dengan ketara sementara sektor korporat telah membuat penyelarasan terhadap permintaan yang lebih lemah. Syarikat korporat telah membuat konsolidasi dengan mengurangkan perbelanjaan modal, inventori serta jumlah pekerja. Pengurangan perbelanjaan modal adalah menyeluruh disebabkan kapasiti yang berlebihan dan ianya adalah lebih ketara di sektor teknologi. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pengguna terus menjadi sumber yang menyokong pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan KDNK bagi suku keempat tahun 2001 menunjukkan bahawa ekonomi AS telah mula berkembang disebabkan oleh permintaan yang kukuh, terutamanya bagi kenderaan, hasil daripada pemotongan harga yang agresif serta pembiayaan kadar faedah sifar.

Ekonomi **kawasan euro** pula menjadi lemah kerana ekonomi terbesarnya, iaitu Jerman, mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembap pada separuh kedua tahun 2001 mencerminkan kelemahan yang menyeluruh di dalam permintaan domestik dan eksport. Ekonomi UK kurang terjejas berbanding negara-negara perindustrian lain kerana ia disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya penggunaan. Jepun telah mengalami kegawatan ekonomi buat kali ketiga sejak pembetulan dalam pasaran aset pada awal tahun 1990-an oleh kerana kejatuhan dalam eksport memburukkan lagi keadaan deflasi, dan masalah struktur dalam ekonomi telah menyebabkan permintaan domestik yang lembap.

Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun, kebimbangan terhadap kemelesetan ekonomi yang buruk di AS menjadi reda apabila tumpuan pasaran adalah kepada pemulihan ekonomi yang dijangka akan berlaku. Kesan mudah tunai hasil daripada pelonggaran dasar monetari yang agresif pada

Jadual 3.2
Perubahan Dasar-dasar Monetari dan Fiskal yang Dilaksanakan oleh beberapa Negara pada tahun 2001

Negara	Dasar Monetari		Rangsangan Fiskal
	Bilangan penurunan kadar faedah	Perubahan nilai kadar faedah (%)	
Amerika Syarikat	11	6.5 → 1.75	Pemotongan cukai dan perbelanjaan
Jepun	2	0.25 → dasar kadar faedah sifar serta pelonggaran kuantitatif	Perbelanjaan
Kawasan euro	4	4.75 → 3.25	-
United Kingdom	7	6.0 → 4.0	Perbelanjaan
Republik Rakyat China	1[1]	5.85 → 5.31[1]	Perbelanjaan
Korea	4	5.25 → 4.0	Langkah pencukaian dan perbelanjaan
Taiwan	11	4.625 → 2.125	Langkah pencukaian dan perbelanjaan
Singapura	-	-	Langkah pencukaian dan perbelanjaan
Hong Kong SAR	11	8.0 → 3.25	Langkah pencukaian
Malaysia	1	5.5 → 5.0	Langkah pencukaian, bukan cukai dan perbelanjaan
Thailand	2	Kadar faedah dinaikkan, kemudian diturunkan dua kali kepada 2.0%	Perbelanjaan
Filipina	15	13.5 → 7.25	-

[1] Kadar pinjaman setahun ke atas pinjaman renminbi

sepanjang tahun ini dan keyakinan yang bertambah berikutan penyelesaian awal konflik Asia Barat, telah menyumbang kepada kenaikan di pasaran saham. Kesan kekayaan daripada pasaran saham di suku keempat tahun 2001 dan awal tahun 2002 dianggarkan berjumlah kira-kira AS$1.5 trilion. Keyakinan ini diperkuatkan lagi dengan pengeluaran data yang positif pada bulan Disember tahun 2001 dan awal tahun 2002, yang menunjukkan bahawa kemerosotan ekonomi AS sudah berakhir. Pasaran juga menganggap bahawa kadar hasil jangka panjang AS yang mencerun menandakan bahawa pemulihan ekonomi akan berlaku.

Prospek pada tahun 2002

Prospek pertumbuhan dunia bertambah baik, disokong oleh perkembangan positif di AS. Terdapat juga pemulihan di beberapa bahagian dunia yang lain. Penunjuk sentimen di Eropah telah menunjukkan pemulihan yang ketara, sementara di negara-negara serantau terdapat tanda-tanda kestabilan aktiviti ekonomi, terutamanya kadar kemerosotan eksport yang semakin berkurangan. AS dijangka mendahului pemulihan ekonomi, dan menyokong pemulihan ekonomi di rantau lain, termasuk kawasan euro dan Asia Timur. Walau bagaimanapun, Jepun dijangka akan terus mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 2002.

Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka meningkat secara beransur-ansur selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang menyederhana di AS. Dengan itu, pada tahun 2002, **pertumbuhan dunia** dijangka meningkat sedikit kepada 2.6%, manakala **perdagangan dunia** pula dijangka berkembang di antara 2% hingga 2.5%, sejajar dengan pemulihan sektor elektronik yang akan meningkat secara beransur-ansur. Pertumbuhan keluaran benar dalam **negara-negara perindustrian utama** sebagai satu kumpulan dijangka stabil pada kadar 1.1%, manakala pertumbuhan **negara-negara sedang membangun** dijangka meningkat sedikit kepada 4.5%. Pertumbuhan ekonomi di Asia Timur juga dijangka meningkat sedikit kepada 4.6 - 4.8%, didorong oleh permintaan eksport yang bertambah kukuh pada separuh kedua tahun 2002.


Negara-negara Perindustrian Utama

Ekonomi **Amerika Syarikat** memasuki tahun 2002 dalam keadaan yang bertambah baik setelah kebimbangan awal tentang kemelesetan ekonomi mula reda. Keyakinan pengguna dan pasaran ekuiti telah meningkat, dan pertumbuhan KDNK benar pada suku keempat tahun 2001 telah melebihi jangkaan. Ekonomi AS kini dijangka pulih secara beransur-ansur. Momentum pertumbuhan dijangka meningkat daripada 1.6% pada separuh pertama tahun 2002, kepada 2.8% pada separuh kedua tahun 2002. Walau bagaimanapun, pertumbuhan akan meningkat secara beransur-ansur dan sederhana memandangkan kelewatan dalam pemulihan pelaburan kerana masih terdapat lebihan kapasiti. Pemulihan dalam pasaran pekerja juga akan menyusuli pemulihan ekonomi dengan lat memandangkan konsolidasi sektor korporat yang sedang berlaku dan juga pemulihan pelaburan yang perlahan. Dalam keadaan ini, pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya bagi tahun 2002 dianggarkan sebanyak 1.4%.

Pemulihan ekonomi ini berdasarkan kepada empat faktor. Pertama, walaupun dasar-dasar yang telah diambil pada tahun 2001 telah mula menunjukkan kesan, pelonggaran dasar monetari akan mengambil masa selama di antara enam hingga 18 bulan sebelum menunjukkan kesan sepenuhnya terhadap aktiviti ekonomi. Pelonggaran sebanyak 475 mata asas pada tahun 2001 dijangka dapat menghasilkan rangsangan besar terhadap pertumbuhan ekonomi


Perkembangan terbaru yang positif mengukuhkan keyakinan bagi pemulihan global yang beransur dan sederhana pada tahun 2002.

Graf 3.1
Negara-negara Perindustrian Utama: Pertumbuhan KDNK Benar (2001-2002)



Graf 3.2
KDNK Benar dan Perubahan dalam Inventori Perniagaan

Pada tahun 2001, penggunaan inventori telah mengurangkan hampir 1.1 mata peratusan daripada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Pada tahun 2002, proses pengumpulan inventori yang sederhana dijangka akan menambah 1 - 1.5 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.




pada tahun 2002. Rangsangan fiskal berjumlah AS$70 bilion juga dijangka akan memberi kesan pada tahun 2002. Ini merangkumi potongan cukai dan perbelanjaan daripada pakej kecemasan yang telah diumumkan selepas 11 September untuk kegiatan pembinaan semula dan kegiatan dalam sektor pertahanan. Tambahan lagi, satu pakej fiskal berjumlah AS$51 bilion yang merangkumi pampasan pengangguran dan potongan cukai perniagaan juga akan terus memberi rangsangan kepada pertumbuhan pada tahun 2002. Kedua, pengeluaran stok yang beransur-ansur berubah kepada pengumpulan inventori dijangka akan dapat menambah sebanyak 1 - 1.5 mata asas kepada KDNK. Ketiga, harga minyak yang lebih rendah akan menyokong penggunaan. Tambahan lagi prospek inflasi yang lebih rendah boleh menambah fleksibiliti kepada pihak berkuasa untuk menumpu perhatian kepada pertumbuhan. Akhirnya, daya tahan pertumbuhan produktiviti yang dilihat semasa kemelesetan, dijangka terus menyokong pertumbuhan pada tahun 2002.

Faktor utama unjuran ialah pertumbuhan penggunaan akan terus dicatat. Sementara prospek guna tenaga dan pendapatan yang lemah pada beberapa bulan yang akan datang mungkin melembapkan penggunaan, kesan positif daripada kadar cukai, harga tenaga dan juga kadar faedah yang lebih rendah akan dapat mengimbangi sebahagian daripada kesan kemerosotan dalam pendapatan boleh guna. Pada masa yang sama, kunci kira-kira isi rumah kekal kukuh (nisbah aset/liabiliti adalah 5:1) oleh kerana kesan kekayaan negatif pada tahun lepas disebabkan terutamanya oleh kerugian dalam kekayaan saham, sementara harga rumah kekal stabil. Peningkatan keyakinan pengguna baru-


Graf 3.3
Penggunaan, Keyakinan Pengguna dan Kadar Pengangguran

Penggunaan lebih dipengaruhi oleh jangkaan dan kurang dipengaruhi oleh pasaran pekerja. Semasa kemelesetan ekonomi tahun 1990-an, penggunaan telah meningkat dua suku sebelum kadar pengangguran mencapai paras tertinggi. Dalam kitaran terkini, kadar pengangguran dijangka akan mencapai paras tertinggi pada pertengahan tahun 2002.



Graf 3.4
Pelaburan dan Kadar Keuntungan Korporat

Sektor korporat telah mencatatkan kadar kerugian yang terbesar dalam 10 tahun, iaitu sebanyak 18.5% pada suku ketiga 2001. Keuntungan korporat dijangka akan mencapai kadar terendah pada suku ke empat 2001. Keuntungan korporat hanya dijangka akan pulih secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2002, menunjukkan bahawa syarikat-syarikat mungkin akan menangguhkan pelaburan sehingga kadar keuntungan meningkat dengan lebih ketara.



baru ini terus menyokong pendapat bahawa pertumbuhan penggunaan akan kekal kukuh pada tahun ini.

Sementara itu, sektor korporat dijangka akan terus menjalankan proses konsolidasi yang melibatkan prospek pelaburan dan guna tenaga. Justeru itu, pemulihan pelaburan dan guna tenaga dijangka akan berlaku dengan lat kitaran pemulihan ekonomi dan hanya akan meningkat apabila terdapat tanda-tanda jelas tentang peningkatan dalam pendapatan syarikat dan utilisasi kapasiti. Pada suku ketiga tahun 2001, utilisasi kapasiti menurun kepada paras terendah sejak tahun 1983 (sektor teknologi: 61.2; sektor bukan teknologi: 77.8). Oleh itu, penambahan jumlah terdapat pelaburan baru dijangka agak terhad kecuali terdapat peluang-peluang dalam beberapa sektor seperti industri kenderaan (menaik taraf kepada model terbaru) dan menaikkan taraf teknologi bagi industri perkakasan teknologi maklumat. Pelaburan juga akan disokong oleh perbelanjaan fiskal yang berjumlah sebanyak AS$40 bilion untuk pembinaan semula dan pelaburan dalam industri bioteknologi dan pertahanan.

Kawasan euro dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 1.3% pada tahun 2002 memandangkan pemulihan ekonominya akan menyusul peningkatan ekonomi AS selepas satu hingga dua suku tahun. Tekanan inflasi yang dahulunya menjejaskan permintaan domestik dijangka akan menurun secara beransur-ansur berikutan harga tenaga yang lebih rendah. Peningkatan pengeluaran pada separuh kedua tahun ini berikutan permintaan yang meningkat dari AS dan pengumpulan inventori akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kedudukan eksport yang bertambah baik serta kos pinjaman yang lebih rendah (pelonggaran dasar monetari berjumlah 150 mata asas sejak tahun 2001) dijangka dapat menggalakkan pelaburan. Khususnya, pelaburan dalam sektor teknologi tinggi dijangka menunjukkan prestasi yang lebih memuaskan di kawasan euro pada fasa pertumbuhan yang seterusnya memandangkan jumlah perbelanjaan dalam teknologi maklumat sebelum ini adalah lebih rendah berbanding AS. Memandangkan sebahagian besar kesan tersebut hanya dapat dilihat pada penghujung tahun 2002 dan juga tahun 2003, kawasan euro dijangka akan mencatat pertumbuhan sederhana pada tahun 2002.

Pertumbuhan di **UK** dijangka menyederhana kepada 2% pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, ekonominya akan terus menyerlah berbanding negara-negara perindustrian utama yang lain. Kelemahan dalam sektor perkilangan dijangka akan pulih secara beransur-ansur berikutan peningkatan pengeluaran yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan peralihan kepada pengumpulan inventori, sementara sektor perkhidmatan dijangka terus meningkat. Kesan lat daripada pelonggaran dasar monetari pada tahun 2001 (200 mata asas), rangsangan daripada dasar fiskal yang mengembang (perbelanjaan terkumpul adalah 3% daripada KDNK benar antara 2001-2003) dan juga kesan kekayaan daripada sektor perumahan yang stabil dijangka dapat menyokong perbelanjaan pengguna. Faktor-faktor pemulihan ini dijangka akan mengurangkan kesan daripada pendapatan isi rumah dan pembayaran bonus yang lebih rendah.

Di **Jepun**, prospek pertumbuhan pada tahun 2002 dijangka kekal lemah. Pertumbuhan KDNK benar dijangka akan merosot sebanyak 0.5% bagi tahun yang kedua berturut-turut. Penyusunan semula struktur sektor kewangan dan korporat dijangka akan menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi pada jangka masa pendek. Dalam keadaan ini, prospek pekerjaan mungkin merosot disebabkan tekanan deflasi. Walaupun penyusunan semula struktur dijangka dapat menyumbang secara positif pada jangka masa panjang, kesannya pada jangka masa pendek dijangka adalah ketara, terutamanya terhadap sistem perbankan. Dua belanjawan tambahan berjumlah ¥5.6 trilion dan juga pelonggaran dasar monetari dijangka akan dapat mengurangkan sebahagian kesan buruk daripada tekanan deflasi. Prospek pertumbuhan juga masih sensitif kepada ketahanan fiskal Jepun serta perkembangan negatif di dalam negeri dan di luar negara, termasuk kemudahubahan dalam pasaran kewangan.

Inflasi di negara-negara perindustrian utama secara keseluruhannya dijangka menurun sebanyak 1.2% pada tahun 2002 ekoran kemerosotan harga minyak dan pemulihan yang beransur dalam permintaan global, terutamanya di AS dan kawasan euro. Jepun akan terus mengalami deflasi berikutan lebihan kapasiti, kelemahan permintaan, inflasi diimport yang lebih rendah dan tekanan harga yang menurun ekoran proses penyahkawalseliaan dan inovasi teknologi. Sebaliknya, inflasi dijangka akan meningkat di UK disebabkan oleh penggunaan yang kukuh.

Walaupun terdapat pandangan optimistik mengenai pemulihan ekonomi AS, **risiko utama bagi ekonomi dunia adalah kemelesetan yang *"berulang"***. Risikonya ialah pemulihan ekonomi AS mungkin tidak bertahan lama jika perbelanjaan pengguna, yang

memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi, tidak kekal kukuh. Walaupun sektor korporat melaksanakan pelarasan yang diperlukan, sektor isi rumah pula mungkin boleh terjejas berikutan kadar simpanan yang rendah (Januari 2002: 1.8%) dan hutang yang meningkat (nisbah hutang kepada pendapatan boleh guna adalah 105%). Jika keadaan pasaran pekerja merosot lebih daripada yang dijangkakan, pengguna mungkin tidak dapat membayar pinjaman perumahan, yang seterusnya melemahkan pasaran perumahan. Pendapatan yang lebih lemah dan kesan kekayaan yang negatif akan mendorong pengguna menjadi lebih berhati-hati dan mengurangkan penggunaan serta meningkatkan simpanan mereka.

Pengangguran yang lebih tinggi boleh berlaku berikutan tekanan dalam sektor korporat yang menyebabkan konsolidasi korporat dipergiatkan. Jurang pembiayaan korporat (perbezaan di antara perbelanjaan modal dan aliran tunai) masih luas, menunjukkan bahawa syarikat-syarikat akan memerlukan pembiayaan yang berterusan daripada pasaran modal kerana bank telahpun menghadkan jumlah pinjaman kepada sektor korporat. Kemuflisan sebuah syarikat besar di AS baru-baru ini telah menyedarkan para pelabur dan pihak pengawalselian tentang keperluan mengkaji semula piawaian perakaunan yang sedia ada bagi memastikan penzahiran yang lebih sempurna. Jika diselidik secara lebih terperinci, akan terserlah lebih banyak masalah dan penarafan kredit syarikat-syarikat mungkin merosot. Ini akan diikuti dengan pembetulan dalam kedua-dua pasaran ekuiti dan bon, yang mengakibatkan tekanan yang seterusnya ke atas sektor korporat.

Walau bagaimanapun, **pengukuhan struktur di AS** semenjak sedekad yang lalu telah menghasilkan inflasi yang rendah, pertumbuhan produktiviti yang tinggi dan sistem kewangan yang maju dan canggih. Perkembangan ini dapat membantu negara tersebut menghadapi kelembapan ekonomi masa kini. Peristiwa di sepanjang tahun 2001 menunjukkan bahawa pihak berkuasa melaksanakan dasar-dasar kewangan dan fiskal dengan mengambil tindakan yang segera untuk membantu menyokong keyakinan perniagaan dan pengguna dengan berkesan. Perkembangan tersebut telah mengurangkan kesan kelembapan yang ketara.

Risiko lain adalah penyusutan nilai yen yang mendadak dan berterusan. Sistem perbankan Jepun yang mudah terjejas mungkin mempengaruhi sentimen pelabur dan meningkatkan kemudahubahan serta menambah risiko terhadap nilai yen. Jika nilai yen menyusut kepada paras yang terlalu rendah bagi satu jangka masa yang berpanjangan, ia mungkin merumitkan lagi masalah di dalam sistem perbankan Jepun. Bukti empirikal menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif di antara nilai yen dan pasaran aset Jepun. Walaupun jumlah pemegangan aset Jepun oleh para pelabur asing adalah rendah, sebahagian besar daripada pelaburan tersebut adalah perdagangan aktif. Akibatnya, ia boleh mempengaruhi arah aliran pasaran. Kombinasi nilai yen, bon Jepun serta pasaran ekuiti yang lebih lemah mungkin menjejaskan kedudukan bank-bank Jepun memandangkan mereka mempunyai pendedahan yang luas terhadap pasaran tersebut. Bagi negara serantau, penyusutan nilai yen mungkin mempunyai implikasi yang serius dan boleh menjejaskan kestabilan mata wang serantau.

Ekonomi Asia Timur

Dalam keadaan pemulihan yang menyederhana di AS dan pertumbuhan yang sederhana di dalam sektor elektronik global, negara-negara serantau dijangka akan mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih baik pada tahun 2002. **Pertumbuhan bagi ekonomi serantau secara keseluruhannya** dijangka bertambah baik dalam lingkungan 4.6 - 4.8%, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang baik di Republik Rakyat China. Pertumbuhan di negara-negara serantau yang lain dijangka menyederhana dalam lingkungan 1 - 4.5%. Rantau ini dijangka akan pulih pada separuh kedua tahun 2002 apabila permintaan luar negara semakin meningkat. Memandangkan kebanyakan ekonomi serantau mempunyai sektor perdagangan yang luas dan sangat bergantung kepada eksport elektronik, kadar peningkatan yang tinggi dalam permintaan luar negara akan menjadi sumber pertumbuhan yang penting.


Berdasarkan penunjuk terkini, kelembapan **kitaran elektronik global** mungkin telah berakhir. Kadar pengecutan jualan semikonduktor telah reda dan telah mencatatkan pertumbuhan positif selama dua bulan berdasarkan perubahan bulanan. Di samping itu, tempahan yang diterima oleh pengeluar cip global telah meningkat dan nisbah tempahan kepada bil bertambah baik. Sementara itu, harga-harga sebahagian segmen produk seperti DRAM bertambah baik dan beberapa syarikat utama telah mengumumkan prospek yang lebih cerah. Walaupun terdapat perkembangan positif, permintaan elektronik global dijangka meningkat secara sederhana,

beransur-ansur dan tidak menyeluruh. Ini adalah kerana wujudnya lebihan kapasiti, terutamanya di segmen komunikasi dan produk rangkaian industri kerana keadaan pelaburan secara keseluruhannya adalah lemah. Negara-negara serantau yang mengeluarkan komputer peribadi dan yang menjalankan pengkhususan aktiviti sumber luar negera adalah negara-negara yang akan mendapat manfaat sepenuhnya apabila arah aliran sektor elektronik mula meningkat.

Sementara momentum permintaan luar negara meningkat, dasar mengembang yang sedia ada akan menyokong permintaan domestik dan juga pertumbuhan pada separuh pertama tahun 2002. Dalam keadaan inflasi yang rendah, dasar monetari yang akomodatif di negara-negara serantau akan diteruskan untuk memastikan kecukupan mudah tunai bagi memudahkan pertumbuhan kredit dan merangsang aktiviti ekonomi. Sejajar dengan arah aliran global, kadar faedah di negara-negara serantau telah menurun dengan nyata pada tahun 2001 dan kadar pinjaman pada masa ini, secara relatifnya adalah rendah. Di samping itu, kesan kumulatif daripada dasar fiskal yang mengembang akan juga memberi kesan kepada ekonomi serantau pada tahun 2002.

Jika berlaku lagi kejutan-kejutan luar negara, ekonomi serantau kini berada di dalam kedudukan yang lebih kukuh untuk menghadapinya. Kedudukan luar negara

Graf 3.5
Negara-negara Serantau:
Pertumbuhan KDNK Benar (%)



aset. Institusi kewangan di kedua-dua sektor perbankan dan pasaran modal di rantau ini juga telah mengetatkan langkah-langkah berhemat supaya sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Selain itu, struktur sistem pembiayaan di rantau ini telah berubah daripada bergantung kepada sistem pinjaman daripada sistem perbankan kepada instrumen pasaran berjangka panjang. Perubahan ini telah mempelbagaikan sumber pembiayaan di rantau

Negara-negara serantau dijangka mengalami pemulihan, disokong oleh dasar yang mengembang dan pengukuhan dalam permintaan luar negara. Kedudukan luar negara dan keadaan struktur yang lebih baik telah dapat mengurangkan pendedahan negara-negara serantau kepada kejutan luar negara.

negara-negara serantau kini adalah lebih baik. Negara serantau telahpun mempunyai milikan rizab pertukaran asing yang lebih tinggi dan hutang luar negara berjangka panjang yang lebih rendah. Walaupun lebihan akaun semasa menguncup sedikit, lebihan tersebut akan berterusan dan bertindak sebagai penimbal tambahan kepada kejutan luaran pada tahun 2002. Penstrukturan semula selepas krisis kewangan telah mengukuhkan lagi keseluruhan sektor kewangan negara serantau. Nisbah kecukupan modal di kebanyakan negara serantau telah dinaikkan melebihi 10% dan nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) kini adalah lebih rendah berbanding tempoh selepas krisis. Ini adalah berikutan langkah-langkah aktif yang diambil oleh syarikat-syarikat pengurusan ini dan akan mengukuhkan lagi ketahanan terhadap sebarang kejutan pada masa akan datang. Pada jangka masa panjang, penyusunan semula struktur sektor kewangan dan korporat akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam pengeluaran dan peruntukan modal.

Pada tahun 2002, **Ekonomi Perindustrian Baru Asia (NIE Asia)** sebagai satu kumpulan dijangka akan berkembang pada kadar yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 2.7 - 2.9% (2001: 0.6%). Ini mencerminkan pertumbuhan yang agak sederhana di kesemua negara dalam kumpulan ini, disokong oleh permintaan luar yang kukuh. Unjuran ini adalah berasaskan kepada pemulihan dalam sektor elektronik

yang sederhana, iaitu sektor yang agar penting bagi ekonomi NIE Asia. Di **Korea**, pertumbuhan dijangka meningkat sebanyak 3.9% pada tahun 2002, mencerminkan peningkatan eksport elektronik dan permintaan domestik yang lebih kukuh. Ini disokong oleh harga minyak yang lebih rendah dan kesan kekayaan positif daripada peningkatan pasaran saham. Begitu juga di **Taiwan**, KDNK benar dijangka berkembang kepada 2.3% pada tahun 2002, selaras dengan pemulihan ekonomi AS di mana AS merupakan satu pertiga daripada pasaran eksport Taiwan. Pemulihan dalam pasaran aset dan keadaan politik yang lebih baik juga dijangka akan menyokong keyakinan pengguna dan perniagaan.

Ekonomi **Singapura** dijangka pulih dengan pertumbuhan sebanyak 1 - 3%. Walaupun pertumbuhan pada separuh pertama tahun 2002 mungkin terjejas kerana pengangguran yang meningkat, pemulihan ini dijangka akan bertambah kukuh pada akhir tahun, berikutan permintaan AS dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Di **Hong Kong Kawasan Pentadbiran Khas (SAR)**, pertumbuhan dijangka akan meningkat sebanyak 1% pada tahun 2002 di mana pengukuhan permintaan domestik memainkan peranan yang penting dalam menyokong pertumbuhan. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi **Republik Rakyat China** dijangka akan terus stabil dalam lingkungan 7%, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan perbelanjaan fiskal dan pelaburan berkaitan dengan pelaburan langsung asing, terutamanya selepas kemasukannya ke dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Sementara itu, pertumbuhan ekonomi **ASEAN** sebagai satu kumpulan dijangka akan meningkat pada kadar 2.8 - 3.6% (2001: 1.5%), selaras dengan permintaan domestik yang agak stabil di negara-negara anggota, di samping pengukuhan eksport. Pertumbuhan di **Filipina** dijangka meningkat pada kadar 4 - 4.5% disebabkan oleh pemulihan permintaan luaran, terutamanya produk elektronik yang merupakan sebahagian besar daripada eksport negara ini. Kesan daripada pelonggaran dasar monetari yang ketara sebanyak 625 mata asas sejak Januari 2001 dan tahap keyakinan yang bertambah baik serta keadaan ketidaktentuan politik yang reda, dijangka akan menyokong pertumbuhan permintaan domestik.

Pertumbuhan ekonomi **Thailand** dijangka akan meningkat sedikit pada kadar 2 - 3% pada tahun 2002 kesan daripada langkah rangsangan fiskal dan pemulihan ekonomi AS yang merupakan pedagang eksport utamanya. **Indonesia** pula merupakan negara yang kurang terjejas di kalangan negara-negara serantau disebabkan ekonominya yang lebih bergantung kepada permintaan domestik. Tambahan pula, sektor eksportnya adalah kurang bersandar kepada produk teknologi. Walau bagaimanapun, KDNK benar pada tahun 2002 diramalkan akan terus menyederhana pada kadar 3.5 - 4%. Kejatuhan harga minyak dan keadaan pelaburan yang lemah dijangka akan menghadkan pertumbuhan yang lebih tinggi di Indonesia pada tahun 2002.


Inflasi di negara-negara serantau dijangka akan terus menyederhana, iaitu menurun sedikit pada kadar 2.2 - 2.3% pada tahun 2002. Ianya disebabkan oleh inflasi yang rendah di Republik Rakyat China, berakhirnya deflasi di Hong Kong SAR dan kadar inflasi yang lebih rendah di negara-negara lain. Bagi kebanyakan negara, inflasi yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang lebih rendah dan keadaan keseluruhan penggunaan swasta yang lemah, yang menghadkan kebolehan pengeluar untuk memindahkan beban kos kepada pengguna. Inflasi di **NIE Asia** sebagai satu kumpulan dijangka akan menurun kepada 0.8 - 0.9%. Inflasi di Taiwan dijangka akan terus rendah disebabkan oleh tarif yang lebih rendah selepas kemasukannya ke dalam WTO. Singapura pula dijangka akan mengalami deflasi yang menyederhana berikutan penurunan sewa, harga minyak dan permintaan yang lebih rendah serta kadar pengangguran yang tinggi.

Kadar inflasi negara-negara **ASEAN** sebagai satu kumpulan juga dijangka akan menyederhana sedikit kepada 5 - 5.5%. Bagi kedua-dua negara Thailand dan Filipina, tekanan harga dijangka akan reda berikutan harga minyak yang lebih rendah, kelembapan permintaan domestik dan harga makanan yang agak stabil. Walau bagaimanapun, kadar inflasi di Indonesia dijangka akan kekal tinggi disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan elektrik yang telah dirancang.

Kadar Faedah dan Kadar Pertukaran Asing

Pada tahun 2001, negara-negara perindustrian utama melonggarkan dasar monetari mereka dengan didahului oleh *Federal Reserve Board (Fed)* AS. Negara-negara perindustrian utama mengurangkan kadar faedah secara agresif pada sepanjang tahun, terutamanya AS, untuk menangani kemerosotan ekonomi yang ketara dalam keadaan arah aliran inflasi yang menurun, terutamanya selepas 11 September. Akibat peristiwa 11 September, *Fed* dan

Graf 3.6
Negara-negara Perindustrian: Kadar Faedah Rasmi



bank-bank pusat utama yang lain telah menurunkan kadar faedah secara serentak dan mengadakan pengaturan swap untuk mengurangkan potensi kemudahubahan dalam pasaran kewangan dunia.

Di AS, ***Fed*** menurunkan *Federal funds rate* sebanyak 11 kali berjumlah 475 mata asas, iaitu pengurangan sejumlah 300 mata asas sebelum 11 September, dan 175 mata asas lagi selepas 11 September. Tindakan ini telah menurunkan *Federal funds rate* kepada tahap terendah dalam tempoh 40 tahun, iaitu pada 1.75%. ***Bank of England*** (BOE) menurunkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sebanyak tujuh kali yang berjumlah 200 mata asas kepada tahap terendah dalam tempoh 37 tahun, iaitu pada 4% untuk melindung ekonominya daripada kelembapan ekonomi dunia dalam keadaan arah aliran inflasi yang menurun.


Oleh kerana inflasi kekal di atas kadar sasaran 2%, ***European Central Bank*** (ECB) menurunkan kadar faedah agak lambat, iaitu pada bulan Mei 2001. Kadar repo diturunkan sebanyak empat kali yang berjumlah 150 mata asas kepada 3.25% untuk menangani kelembapan ekonomi di kawasan euro. Pada bulan Mac, ***Bank of Japan*** (BOJ) juga kembali kepada dasar kadar faedah sifar untuk menangani deflasi di samping kelemahan ekonomi yang teruk. Oleh itu, BOJ telah melaksanakan beberapa langkah pelonggaran secara kuantitatif untuk meningkatkan mudah tunai di dalam sistem perbankan bagi mengekalkan kestabilan kewangan.

Pada **awal tahun 2002**, dasar monetari di negara perindustrian utama kekal tidak berubah kecuali Jepun. Pada 28 Februari 2002, BOJ terus mengambil langkah pelonggaran kuantitatif dengan menambahkan pembelian langsung bon Kerajaan Jepun sambil menyediakan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran.

Bagi tempoh selanjutnya pada tahun 2002, kadar faedah dijangka stabil memandangkan data ekonomi yang lebih baik dan juga tambahan rangsangan monetari telah memudahkan proses pemulihan ekonomi. Namun begitu, bank pusat akan sentiasa berwaspada terhadap tanda-tanda yang menunjukkan kelemahan aktiviti ekonomi yang di luar jangkaan, yang mungkin memerlukan dasar yang lebih longgar. Adalah penting juga bagi pihak berkuasa untuk meneliti tahap kekukuhan pemulihan ekonomi yang mungkin menimbulkan tekanan inflasi dan mungkin memerlukan tindak balas dasar yang awal. Walau bagaimanapun, sebarang kemungkinan penukaran arah dasar, samada cenderung kepada pengetatan atau pelonggaran, bergantung kepada beberapa faktor termasuk kekukuhan pemulihan ekonomi AS; perkembangan dalam sektor teknologi maklumat; pergerakan mata wang utama; dan prestasi pasaran kewangan.

Di pasaran **pertukaran asing**, dolar AS mengukuh berbanding kesemua mata wang utama yang lain pada tahun 2001. Dolar naik nilai berbanding yen, euro dan paun sterling masing-masing sebanyak 15.2%, 5.9% dan 2.8%. Walaupun dolar tergugat sedikit akibat peristiwa 11 September disebabkan

Graf 3.7
Pergerakan Dolar Amerika Syarikat berbanding Mata Wang Utama



pergerakan dana dari aset dolar ke negara-negara pengeksport dana, dolar telah mengukuh selepas itu. Aliran masuk yang besar ke dalam pasaran bon juga menyokong dolar pada tahun ini. Sentimen ke atas dolar disokong oleh tanggapan pasaran bahawa pemulihan ekonomi AS adalah lebih awal daripada negara-negara utama yang lain.

Euro susut nilai disebabkan oleh prospek pertumbuhan ekonomi di euro berbanding dengan AS. Paun sterling mengikut kelemahan euro oleh kerana mata wang tersebut mengalami penyelarasan dalam pergerakannya, dengan mengambil kira kemungkinan UK menyertai kawasan euro. Kelemahan yen, terutamanya pada akhir tahun 2001, adalah disebabkan oleh perubahan tanggapan bahawa pihak berkuasa Jepun semakin toleran terhadap penyusutan nilai yen.

Pada **dua bulan pertama tahun 2002**, nilai dolar kekal kukuh berbanding mata wang utama disebabkan data AS yang lebih positif yang menyokong jangkaan bahawa pemulihan ekonomi AS akan mendahului pemulihan ekonomi dunia. Nilai yen didagang dalam julat AS$1=¥130 - 135. Walau bagaimanapun, pada awal bulan Mac, yen mengukuh ke paras bawah AS$1=¥130 berikutan kemasukan dana asing ke dalam pasaran saham Jepun.

Bagi tempoh tahun 2002 selanjutnya, pergerakan dolar berbanding mata wang utama yang lain akan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Ia termasuklah tanggapan pelabur tentang pentingnya perbezaan kadar pertumbuhan ekonomi berbanding perbezaan kadar faedah, prestasi pasaran saham dan bon serta pergerakan dana aliran modal pada tahun 2002. Isu-isu negara yang khusus yang berkaitan dengan struktur dan kestabilan sistem kewangan juga akan mempengaruhi sentimen mata wang utama.


EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2002

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh pada tahun 2002 berikutan pengukuhan dalam permintaan luar negara. Arah aliran di masa lalu menunjukkan bahawa terdapat lat pendek di antara pemulihan dalam ekonomi-ekonomi utama dengan pemulihan dalam eksport Malaysia. Oleh yang demikian, tempoh dan tahap pemulihan terutama di AS, akan mempunyai kesan yang nyata terhadap ekonomi Malaysia. Penunjuk semasa menunjukkan bahawa permintaaan luar negara dijangka tidak akan meningkat seteguh peningkatan yang dialami pada tahun 1999-2000, di mana pemulihan sebelum ini didorong terutamanya oleh penggunaan internet dan faktor Y2K. Pemulihan ekonomi dijangka akan berlaku oleh kerana terdapat lebihan kapasiti secara global, terutamanya dalam sektor teknologi. Oleh itu, permintaan luar dijangka akan pulih secara beransur-ansur. Dalam keadaan ini, pemulihan dalam ekonomi Malaysia dijangka sederhana, dengan KDNK benar meningkat sebanyak 3.5% pada tahun 2002.

Penunjuk-penunjuk terkini menunjukkan bahawa terdapat tanda-tanda kestabilan dalam ekonomi Malaysia. Indeks penunjuk pelopor ekonomi yang dikumpulkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, yang merupakan penunjuk awalan mengenai hala tuju pertumbuhan ekonomi, telah mencatat pertumbuhan positif selama lima bulan berturut-turut semenjak bulan Julai 2001. Ini menandakan bahawa ekonomi Malaysia akan meningkat semula pada suku pertama tahun 2002. Namun begitu, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pertumbuhan akan menjadi lebih kukuh pada separuh kedua tahun ini apabila permintaan luar meningkat dengan nyatanya.

Anggaran pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2002 berasaskan kepada pertumbuhan yang lebih kukuh dalam penggunaan swasta, pemulihan yang sederhana dalam pelaburan swasta, pengekalan dalam perbelanjaan sektor awam dan pertumbuhan eksport yang sederhana. Sekiranya, arah aliran yang positif dalam penunjuk-penunjuk terkini bagi ekonomi AS kekal, anggaran pertumbuhan ekonomi negara dijangka boleh dicapai. Dari segi domestik, langkah-langkah dasar yang agresif untuk mempertingkatkan peranan sektor perkhidmatan, terutamanya dalam

Graf 3.8
Indeks Pelopor Menunjukkan Pemulihan pada 2002



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sub sektor pendidikan, pelancongan dan maklumat, komunikasi dan teknologi, akan memberi manfaat kepada sektor-sektor tersebut, di mana ia juga akan meningkatkan lagi pertumbuhan KDNK.

Dasar fiskal yang mengembang dan dasar monetari yang akomodatif dijangka akan dapat mengekalkan pertumbuhan dalam permintaan domestik. Pertumbuhan dalam **penggunaan swasta** dijangka apabila pemulihan dalam ekonomi dunia menjadi lebih nyata. Oleh yang demikian, dorongan untuk pertumbuhan dalam pelaburan swasta adalah terutamanya daripada pelaburan berterusan dalam projek-projek lebuhraya yang sedang dijalankan, perumahan untuk kediaman, projek-projek rel, kerja-kerja pembangunan di pelabuhan dan loji tenaga serta pelaburan dalam sub sektor minyak dan gas.

Ekonomi Malaysia lebih bersedia untuk memanfaatkan jangkaan pemulihan ekonomi dunia.

meningkat kepada 5% berikutan prospek pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga yang lebih baik serta kesan-kesan kumulatif daripada langkah-langkah Kerajaan yang telah meningkatkan pendapatan boleh guna. Langkah-langkah tambahan yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan Tahun 2002 termasuk pengurangan sebanyak 1-2 mata peratusan dalam kadar cukai pendapatan individu, kenaikan pendapatan sebelum kadar cukai pendapatan maksima berkuatkuasa dan peningkatan dalam gaji kakitangan awam. Kesemuanya akan meningkatkan seterusnya pendapatan boleh guna. Pertumbuhan dalam penggunaan swasta dijangka lebih kukuh pada separuh tahun kedua apabila permintaan eksport meningkat.

Sementara itu, **pelaburan swasta** dijangka pulih pada tahun 2002, dengan pertumbuhan positif sebanyak 1.2%. Pelaburan di sektor perkilangan dijangka bertukar arah separuh kedua tahun

Jadual 3.3
KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (1987=100)

	2001*a*	2002*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Permintaan dalam negeri[1]	**2.3**	**2.8**
Perbelanjaan sektor swasta	-2.9	4.2
Penggunaan	*2.8*	*5.0*
Pelaburan	*-19.7*	*1.2*
Perbelanjaan sektor awam	13.9	0.0
Penggunaan	*11.9*	*4.1*
Pelaburan	*15.5*	*-3.0*
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**2.3**	**-0.6**
Eksport	-7.6	3.7
Import	-8.6	4.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**0.4**	**3.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaksanaan konsolidasi fiskal seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2002 dan kedudukan fiskal yang lebih baik daripada yang dijangkakan pada tahun 2001 berikutan kutipan hasil yang tinggi akan mengukuhkan kedudukan fiskal pada tahun 2002 (defisit fiskal sebanyak –5.1% daripada KDNK pada tahun 2002 daripada –5.5% pada tahun 2001, berbanding dengan anggaran terdahulu sebanyak –6.5% daripada KDNK untuk tahun 2001). Perbelanjaan **pelaburan awam** dijangka merosot sebanyak 3% selepas peningkatan yang kukuh sebanyak 15.5% pada tahun 2001. Namun begitu, peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk Kerajaan Persekutuan pada tahun 2002 kekal tinggi pada RM28.4 bilion, dengan sebahagian besar daripada perbelanjaan tersebut terus diperuntukkan kepada sektor ekonomi dan sektor sosial. **Penggunaan awam** dijangka meningkat sebanyak 4.1% mencerminkan penyelarasan gaji sebanyak 10% untuk kakitangan awam dan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi pengeluaran, semua sektor utama dijangka mencatat pertumbuhan yang positif pada tahun 2002. Sektor perkilangan dijangka akan pulih berikutan peningkatan dalam permintaan global bagi barangan elektronik. Sektor-sektor perkhidmatan dan pembinaan pula dijangka akan terus menyokong pertumbuhan, hasil daripada dasar-dasar yang dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan.

Nilai ditambah **sektor perkilangan** dijangka meningkat semula untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.2% pada tahun 2002. Pemulihan yang dijangka dalam ekonomi AS dan permintaan bagi barangan elektronik yang dijangka akan meningkat akan menyebabkan peningkatan dalam permintaan eksport bagi barangan perkilangan

Jadual 3.4
Sumbangan Komponen Permintaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar

	2001*a*	2002*r*
	% mata sumbangan	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**0.1**	**3.5**
Perbelanjaan sektor swasta	-1.7	2.5
Penggunaan	*1.3*	*2.3*
Pelaburan	*-3.0*	*0.2*
Perbelanjaan sektor awam	3.8	0.0
Penggunaan	*1.4*	*0.5*
Pelaburan	*2.4*	*-0.5*
Perubahan dalam stok	-1.9	1.1
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**0.3**	**-0.1**
Exports	-8.9	4.0
Imports	-9.2	4.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**0.4**	**3.5**

Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.
[1] Termasuk stok
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Malaysia, dan seterusnya, pertumbuhan yang lebih kukuh dalam aktiviti pengeluaran barangan perkilangan. Pengilang asing dan tempatan di Malaysia telah melahirkan rasa optimistik mereka terhadap prospek bagi sektor perkilangan secara amnya, dan sektor elektronik secara khususnya. Secara umum mereka bersependapat bahawa pertumbuhan sektor perkilangan adalah sederhana pada suku pertama sebelum menjadi bertambah kukuh pada suku-suku berikutnya pada sepanjang tahun 2002.

Pertumbuhan dalam industri elektronik dijangka akan disokong oleh beberapa faktor positif. Pertama, terdapat pengeluaran inventori yang tinggi oleh syarikat-syarikat pada tahun 2001, maka, tempahan yang baru dijangka akan menyebabkan peningkatan yang segera dalam pengeluaran, terutama sekali barangan elektronik. Pasaran komputer persendirian dijangka menunjukkan pemulihan yang lebih kukuh berbanding sektor telekomunikasi. Hasil kajian awal BNM terhadap komposisi eksport industri elektronik Malaysia menunjukkan bahawa eksport komputer dan perkakasan komputer mencakupi lebih kurang 40% daripada jumlah eksport elektronik Malaysia. Oleh itu, jangkaan mengenai peningkatan dalam pasaran komputer persendirian global akan memberi manfaat kepada industri tersebut di Malaysia.

Tambahan lagi, beberapa pengeluar barangan elektrikal telah mula memberikan tumpuan kepada produk-produk baru bagi memenuhi perubahan dalam pilihan pengguna. Kedua, terdapat arah aliran yang menunjukkan peningkatan dalam aktiviti penggunaan khidmat luar dalam sektor perkilangan. Hasilnya, beberapa pengeluar utama di rantau ini dijangka memindahkan sebahagian daripada operasi mereka ke Malaysia berikutan penggabungan loji-loji mereka di rantau ini. Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan ini. Akhir sekali, permintaan daripada pasaran yang sesuai untuk produk-produk seperti permainan video, alat bantu digital persendirian dan produk-produk yang semakin mendapat perhatian seperti fotoniks atau optoelektroniks dijangka terus menyumbang kepada pertumbuhan.

Dengan produk-produk industri elektronik dan elektrikal menerajui pertumbuhan sektor berorientasikan eksport, pengeluaran dalam industri-industri berorientasikan eksport keseluruhannya dijangka pulih pada tahun 2002 dengan pertumbuhan sebanyak 4.9% (2001: -10.2%). Pengeluaran sektor berorientasikan tempatan dijangka kekal pada kadar yang kukuh sebanyak 6% pada tahun 2002 (2001: 7.4%), disokong oleh dasar-dasar Kerajaan yang meransang pertumbuhan ekonomi. Secara khusus, industri-industri alat kelengkapan pengangkutan dan bahan-bahan berkaitan dengan pembinaan diramal akan terus menyumbang kepada pertumbuhan.

Pertumbuhan di **sektor perkhidmatan** dijangka menyeluruh, dengan kumpulan perkhidmatan

Jadual 3.5
KDNK Benar Mengikut Sektor (1987=100)

	2001*a*	2002*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Pertanian	2.5	1.0
Perlombongan	0.2	3.0
Perkilangan	-5.1	4.2
Pembinaan	2.3	2.4
Perkhidmatan	4.9	3.8
KDNK Benar	**0.4**	**3.5**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 3.6
Industri Elektronik Malaysia: Komposisi Eksport

Kepelbagaian Produk	% bahagian daripada jumlah eksport elektronik
Komputer dan perisian	**39**
Monitor, papan kekunci, pengkhidmat dan perkakasan yang berkaitan	*10*
Bahagian dan aksesori untuk komputer	*20*
Alatan penyimpan data	*9*
Komponen diskrit	**22**
Litar bersepadu	**19**
Lain-lain	**20**
Bahagian elektronik	*7*
Peranti paparan	*6*
Peralatan elektronik	*3*
Tiub sinar katod dan lain-lain tiub gambar	*2*
Lain-lain kelengkapan berkaitan elektronik	*2*
Jumlah	**100**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


pengantara berkembang pada kadar yang lebih pesat berbanding kumpulan perkhidmatan akhir. Namun demikian, pertumbuhan sektor ini dijangka menyederhana kepada 3.8%, sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2001. Langkah-langkah dasar untuk meningkatkan potensi pengeluaran sektor perkhidmatan, terutamanya di sub sektor pendidikan, pelancongan dan maklumat, komunikasi dan teknologi, akan menghasilkan pertumbuhan yang lebih kukuh daripada yang dijangkakan di sektor perkhidmatan, di mana ia seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan KDNK.

Pertumbuhan di **sektor pembinaan** dijangka kekal pada 2.4%, didorong oleh sub sektor kejuruteraan awam dan rumah kediaman. Kadar faedah yang rendah dan beberapa langkah awalan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani keadaan lebihan penawaran di pasaran harta tanah akan terus menyokong permintaan bagi rumah kediaman. Kelonggaran pada garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing mengenai perolehan harta tanah oleh rakyat asing pada bulan April 2001 telah membantu mengurangkan harta tanah yang tidak terjual di dalam sub sektor tersebut. Kerajaan telah memansuhkan duti setem bagi pembelian harta kediaman daripada pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Perumahan dan Harta Tanah Malaysia, bagi tempoh enam bulan, berkuatkuasa 1 Januari 2002. Pada 27 November 2001, BNM telah memansuhkan sekatan ke atas peruntukan pinjaman penyambung untuk pembangunan harta kediaman yang melebihi RM250,000 dan rumah kedai yang melebihi RM250,000 seunit yang terletak di kawasan perumahan, jika projek-projek tersebut mencapai jualan pulang modal. Pertumbuhan di sub sektor kejuruteraan awam dijangka akan disokong oleh projek-projek yang diswastakan dan perbelanjaan fiskal untuk pembangunan infrastruktur. Pada masa yang sama, aktiviti di sub sektor bukan kediaman akan terus dikekang oleh kapasiti berlebihan, dengan aktiviti ditumpukan terutamanya kepada projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dijangka menyederhana kepada 1% disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pengeluaran minyak sawit mentah (MSM), getah dan kayu balak. Khususnya, pengeluaran MSM dijangka merosot disebabkan oleh hasil yang dijangka lebih rendah akibat kitaran hasil yang merosot bagi pokok kelapa sawit selepas mencatatkan pengeluaran yang tinggi selama tiga tahun berturut-turut. Di samping itu, program tanaman semula yang melibatkan 200,000 hektar pokok kelapa sawit tua juga dijangka akan menyumbang kepada kemerosotan dalam pengeluaran MSM. Namun demikian, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dijangka akan meningkatkan pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan ikan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian pada tahun 2002. Pada masa yang sama, pertumbuhan di **sektor perlombongan** pula dijangka meningkat kepada 3% disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi hasil daripada permintaan dalam negeri yang meningkat. Bagi tahun 2002, pengeluaran minyak mentah disasarkan sebanyak 600,000 tong sehari.

Harga pengguna dijangka meningkat pada tahun 2002 sejajar dengan jangkaan pemulihan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh kerana ekonomi dijangka meningkat secara sederhana dengan lebihan kapasiti kekal tinggi untuk sebahagian besar tahun 2002, peningkatan dalam harga lebih disebabkan oleh penyelarasan dalam harga berbanding tekanan permintaan. Inflasi teras atau asas, yang mewakili peningkatan harga akibat daripada tekanan permintaan, dijangka meningkat daripada 1% pada tahun 2001 kepada 1.3% pada tahun 2002. Kenaikan dalam harga dijangka berlaku sekali sahaja iaitu sebanyak 0.5 mata peratusan pada tahun 2002

Graf 3.9
Harga Pengguna



berikutan peningkatan dalam harga minyak dan duti import dan eksais bagi produk-produk rokok dan tembakau seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2002, yang telah berkuatkuasa sejak dari pertengahan bulan Oktober 2001. Bayaran tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan dan tarif telefon juga telah dinaikkan masing-masing berkuatkuasa pada bulan Januari 2002 dan bulan Mac 2002. Sungguhpun inflasi Indeks Harga Pengguna dijangka meningkat sebanyak 1.8% pada tahun 2002, kadar ini masih rendah.

Jadual 3.7
Imbangan Pembayaran

	2001*a*	2002*r*	2001*a*	2002*r*
	RM bilion		AS$ bilion	
Barangan	69.9	73.0	18.4	19.2
Akaun dagangan	53.7	55.0	14.1	14.5
Eksport (% perubahan)	*-10.4*	*4.4*	*-10.4*	*4.4*
Import (% perubahan)	*-9.9*	*4.8*	*-9.9*	*4.8*
Perkhidmatan	-8.4	-11.6	-2.2	-3.0
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**61.5**	**61.4**	**16.2**	**16.1**
Pendapatan	-25.9	-27.5	-6.8	-7.2
Pindahan semasa	-8.1	-8.4	-2.1	-2.2
Imbangan akaun semasa	**27.4**	**25.5**	**7.2**	**6.7**
(% daripada KNK)	***8.9***	***7.9***	***8.9***	***7.9***
Akaun kewangan	-14.8		-3.9	
Kesilapan dan ketinggalan	-8.9		-2.3	
di mana:				
Kerugian penilaian semula pertukaran asing	*-4.1*		*-1.1*	
Imbangan keseluruhan	**3.7**		**1.0**	

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Keadaan **pasaran pekerja** dijangka beransur bertambah baik pada tahun 2002 selaras dengan pemulihan di sektor eksport. Kadar pengangguran diramal turun kepada 3.6% pada tahun 2002 (2001: 3.7%). Penubuhan sembilan skim latihan kemahiran dan pendidikan tinggi dengan peruntukan sebanyak RM300 juta, dijangka menyumbang secara positif kepada pembangunan kemahiran para graduan dan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan. Perkembangan ini dijangka membantu penyerapan pekerja yang menganggur ke segmen pekerjaan yang lebih baik. Sementara bidang yang berkaitan dengan teknologi maklumat dijangka menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang baru, sektor perkilangan akan terus menjadi sektor utama yang menawarkan peluang pekerjaan baru.

Sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh pengalaman yang lalu, pemulihan dalam aktiviti ekonomi akan menyebabkan penyusutan dalam **lebihan akaun semasa bagi imbangan pembayaran**. Lebihan dagangan yang lebih kukuh hasil daripada eksport yang lebih tinggi akan dihakis oleh import barangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Defisit akuan perkhidmatan dan pendapatan juga dijangka melebar. Namun demikian, lebihan akaun semasa dijangka kekal besar pada tahun 2002, iaitu sebanyak 7.9% daripada KNK.

Eksport dijangka meningkat semula untuk mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.4% berikutan jangkaan pemulihan dalam eksport barangan elektronik dan hasil yang lebih tinggi daripada eksport pertanian. **Import** dijangka meningkat sebanyak 4.8% dengan import barang pengantara meningkat sebanyak 6.4%. Namun begitu, lebihan dagangan dijangka besar terutamanya disebabkan oleh import barangan modal yang dijangka tidak meningkat secara nyata pada tahun 2002 kerana lebihan kapasiti dijangka berterusan dan peningkatan yang perlahan dalam pelaburan baru.

Prestasi **eksport barangan perkilangan** dijangka lebih baik pada tahun 2002, memandangkan prospek permintaan luar yang bertambah baik, terutamanya di AS dan jangkaan pemulihan sektor elektronik global pada tahun 2002. Bagi tahun 2002 keseluruhannya, eksport barangan perkilangan dijangka meningkat semula untuk mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 6.5%, didorong oleh eksport barangan

Jadual 3.8
Ekport dan Import

	2001*a*	2002*r*
	RM bilion	
Eksport kasar	**334.4**	**349.1**
(***% perubahan)***	***-10.4***	***4.4***
Barangan perkilangan	285.3	303.8
(% perubahan)	*-10.3*	*6.5*
Galian	23.4	15.9
(% perubahan)	*-12.6*	*-32.1*
Pertanian	20.0	23.6
(% perubahan)	*-13.2*	*18.2*
Import kasar	**280.7**	**294.1**
(% perubahan)	***-9.9***	***4.8***
Barangan modal	43.7	44.2
(% perubahan)	*-1.1*	*1.2*
Barangan pengantara	201.8	214.7
(% perubahan)	*-13.3*	*6.4*
Barangan pengguna	17.6	18.7
(% perubahan)	*3.0*	*6.3*

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

elektronik, yang mencakupi sebanyak separuh daripada jumlah eksport barangan perkilangan. Dengan beberapa perkembangan positif yang telah berlaku pada akhir tahun 2001, eksport barangan elektronik dijangka meningkat sebanyak 9.5% (2001: -16.3%). Namun begitu, momentum pertumbuhan dijangka akan hanya meningkat dengan nyata pada separuh tahun kedua. Di samping itu, eksport industri barangan bukan elektronik dijangka meningkat sebanyak 3.6% (2001: -3.6%), khususnya industri yang mengeluarkan produk elektronik, bahan kimia dan keluaran kimia, dan perkakas optikal dan saintifik. Hasilnya, **kuantiti eksport** dijangka meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2002 (2001: -4.1%). Namun, **harga eksport** dijangka terus merosot sungguhpun pada kadar yang lebih sederhana (-2%; 2001: -6.1%). Lebihan kapasiti di samping peningkatan yang sederhana dalam permintaan tidak akan menyebabkan tekanan harga yang lebih tinggi. Peningkatan dalam kapasiti pengeluaran di negara-negara pengeluar berkos lebih rendah juga memberi tekanan terhadap harga, terutamanya untuk pengeluar-pengeluar elektronik.

Prospek bagi **harga komoditi** Malaysia dijangka menggalakkan pada tahun 2002, khususnya bagi harga minyak sawit. Unjuran kenaikan sebanyak 18.2% bagi **eksport pertanian** adalah berdasarkan kepada jangkaan kenaikan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit memandangkan kuantiti yang dieksport dijangka meningkat sedikit sahaja berikutan jangkaan bahawa penawaran dalam negeri adalah rendah. Harga minyak sawit yang menunjukkan arah aliran meningkat semenjak bulan November 2001, diramal terus kukuh kepada RM1,250 setan metrik pada tahun 2002, dengan permintaan dijangka meningkat sementara penawaran dunia adalah lembap. Begitu juga dengan harga eksport kayu balak, kayu siap digergaji dan getah yang dijangka bertambah baik berikutan permintaan luar negara yang dijangka meningkat khususnya pada separuh tahun kedua 2002. Sementara itu, harga purata minyak mentah Malaysia diramalkan jatuh kepada AS$18.00 setong pada tahun 2002 (2001: AS$25.53), mencerminkan terutamanya keadaan di pasaran minyak antarabangsa. Permintaan global yang meningkat terhadap minyak mentah bergantung kebanyakannya kepada pertumbuhan ekonomi sedunia, dijangka menjadi sederhana berbanding penawaran. Begitu juga dengan harga eksport gas asli cecair yang dijangka merosot pada tahun 2002 sejajar dengan arah aliran harga minyak yang menurun. Justeru itu, **eksport galian** dijangka merosot sebanyak 32.1% pada tahun 2002.

Penurunan dalam lebihan akaun semasa secara keseluruhannya disebabkan oleh peningkatan dalam defisit **akaun perkhidmatan** kepada 3.6% daripada KNK dan dalam defisit **akaun pendapatan** kepada 8.5% daripada KNK. Pemulihan dalam eksport akan menyebabkan bayaran yang lebih tinggi untuk tambang dan insurans dan bayaran perkhidmatan rundingan serta peningkatan dalam aliran keluar yang berkaitan dengan keuntungan dan dividen syarikat-syarikat bukan pemastautin. Namun, pengekalan dalam penerimaan akaun pelancongan serta pendapatan yang lebih tinggi daripada bayaran pelabuhan dan pendidikan dijangka mengukuhkan akaun perkhidmatan. Dengan strategi untuk meluas dan mempelbagaikan pasaran pelancongan ke pasaran-pasaran baru seperti Asia Barat, India dan Republik Rakyat China, bilangan ketibaan pelancong dijangka kekal tinggi.

Akaun kewangan dijangka akan disokong oleh pengekalan aliran masuk modal jangka panjang termasuk aliran masuk pelaburan langsung asing yang lebih tinggi pada tahun 2002. Pada bulan Mac 2002, Kerajaan telah memasuki pasaran bon

Jadual 3.9
Hutang Luar Negara

	2001*a*	2002*r*	2001*a*	2002*r*
	RM billion		% bahagian	
Jangka sederhana dan panjang	**146.4**	**144.5**	**86**	**86**
Sektor Awam	90.9	90.4	53	54
Kerajaan Persekutuan	*24.3*	*29.9*	*14*	*18*
PABK	*66.5*	*60.6*	*39*	*36*
Sektor Swasta	55.6	54.1	33	32
Jangka pendek	**23.3**	**23.3**	**14**	**14**
Institusi perbankan	12.1	12.1	7	7
Sektor swasta bukan bank	11.3	11.3	7	7
Jumlah Hutang Luar Negara	**169.8**	**167.9**	**100**	**100**
bersamaan AS$	***44.7***	***44.2***		
% daripada KNK				
Jumlah hutang	55.4	52.0		
Hutang jangka sederhana dan panjang	47.7	44.7		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)				
Jumlah hutang	6.2	5.3		
Hutang jangka sederhana dan panjang	5.8	5.0		

Nota: Berkuatkuasa pada 2001, hutang luar negara MAS telah diklasifikasikan semula sebagai hutang PABK. Sebelum tahun 2000, ia diklasifikasikan sebagai hutang sektor swasta.

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

antarabangsa dengan meminjam Nota berjumlah AS$750 juta untuk mengambil peluang daripada keadaan pasaran yang menggalakkan dan kadar faedah yang rendah. Walau bagaimanapun, **sektor rasmi** dijangka merekodkan aliran keluar bersih yang kecil disebabkan pembayaran balik hutang yang tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) berikutan kematangan beberapa bon yang dikeluarkan pada tahun 1990-an.

Memandangkan pemulihan dalam keadaan ekonomi global, aliran masuk **pelaburan langsung asing** (FDI) dijangka lebih tinggi dengan anggaran aliran masuk ekuiti daripada penggabungan strategik dan aliran masuk untuk pengembangan dan pelaburan baru di sektor perkilangan, perkhidmatan dan minyak dan gas. Insentif-insentif pelaburan yang diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2002 termasuk lanjutan tempoh untuk elaun pelaburan semula dari 5 tahun ke 15 tahun dan komitmen Kerajaan untuk terus memberikan Insentif Galakan Istimewa, dijangka menarik pelaburan langsung asing yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Prospek ekonomi yang lebih baik juga akan mendorong aliran masuk portfolio yang lebih banyak. Namun, adalah sukar untuk meramal pergerakan **aliran masuk modal jangka pendek** disebabkan aliran modal tersebut pada kebiasaannya tidak menentu, yang bertindak balas terhadap kejadian tertentu dan terhadap sentimen jangka pendek.

Hutang luar negara yang belum dijelaskan dijangka menurun kepada RM167.9 bilion (AS$44.2 bilion) pada akhir tahun 2002, bersamaan dengan 52% daripada KNK, mencerminkan penurunan dalam hutang PABK dan sektor swasta. Hutang luar negara PABK dijangka berkurangan dengan matangnya beberapa bon yang dikeluarkan pada tahun 1990-an. Begitu juga, hutang luar negara sektor swasta juga dijangka berkurangan, disebabkan oleh pembayaran hutang yang lebih awal oleh syarikat-syarikat sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula. Sementara itu, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat, hasil daripada pinjaman-pinjaman baru yang diperoleh di pasaran modal antarabangsa dan pengambilan pinjaman di bawah Inisiatif Miyazawa. Nisbah khidmat hutang dijangka turun kepada 5.3%.

PENGURUSAN EKONOMI PADA TAHUN 2002

Oleh kerana pemulihan ekonomi dijangka sederhana pada tahun 2002, dasar-dasar makroekonomi akan terus menyokong langkah-langkah kitaran balas makroekonomi yang telah dilaksanakan untuk menyokong sumber-sumber pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Dalam suasana inflasi yang rendah, dasar kewangan boleh terus kekal akomodatif pada tahun 2002. Pertumbuhan pinjaman pula dijangka berkembang seiring dengan pemulihan ekonomi. Memandangkan penekanan kini ditumpukan ke arah pembentukan persekitaran yang stabil dan boleh dijangka, tumpuan dasar akan ditujukan ke arah mengekalkan asas-asas ekonomi yang kukuh untuk menyokong rejim kadar pertukaran tetap.

Sejajar dengan hasrat untuk mengurangkan defisit fiskal pada tahun 2002, rangsangan fiskal dijangka kurang mengembang pada kadar 5.1% daripada KDNK (-5.5% pada tahun 2001). Oleh kerana fleksibiliti dasar fiskal adalah tinggi, Kerajaan mempunyai keupayaan untuk meningkatkan perbelanjaan bagi merangsang aktiviti ekonomi sekiranya perlu. Memandangkan pengukuhan fiskal akan meningkatkan kestabilan jangka panjang, terdapat komitmen yang tinggi untuk mencapai kedudukan fiskal yang seimbang menjelang tahun

2005 seperti yang disasarkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam mengurus kedudukan fiskal, langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan tidak menjejaskan pembiayaan sektor swasta dan keutamaan terus diberi bagi mengekalkan tahap hutang Kerajaan Persekutuan pada tahap yang rendah (kini berjumlah 43.8% daripada KDNK).

Dalam persekitaran liberalisasi di pasaran global yang semakin meningkat, tumpuan dasar pada tahun 2002 akan ditumpu terutamanya bagi memastikan pelaksanaan dasar dijalankan dengan konsisten dan cekap bagi mengatasi tekanan persaingan yang meningkat. Justeru itu, usaha-usaha penyelarasan struktural akan dipergiatkan oleh kerana komitmen yang berterusan bagi melaksanakan dasar struktural dijangka akan meningkatkan keyakinan dan membantu dalam mengatasi apa-apa halangan ke atas pilihan dasar makroekonomi serta keberkesanannya. Selaras dengan spektra dasar-dasar yang lebih luas sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) dan Pelan Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010), langkah-langkah yang dilaksanakan pada tahun 2002 dijangka menyumbang kepada pemulihan persekitaran perniagaan bukan sahaja melalui langkah-langkah dari sudut permintaan, bahkan juga langkah-langkah dari sudut penawaran. Dalam hal ini, strategi-strategi disasarkan untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam sektor perkhidmatan, memajukan perusahaan kecil dan sederhana (IKS), meningkatkan lagi tahap produktiviti dan memastikan struktur insentif kekal menggalakkan bagi pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Dasar makroekonomi telah dilaksanakan untuk menyokong pemulihan ekonomi. Tumpuan dasar adalah untuk meningkatkan daya saing untuk mencapai pertumbuhan seimbang yang berkualiti tinggi.

Sektor perkhidmatan: Memandangkan kekukuhan rantaiannya dengan sektor-sektor lain dalam ekonomi dan kepentingan strategik dalam menyokong peralihan struktural Malaysia ke arah Ekonomi Baru, dasar-dasar juga mensasarkan kemajuan perkembangan sektor perkhidmatan sebagai penjana kedua pertumbuhan. Dalam hal ini, pada tahun 2002, Kerajaan akan menjalankan kajian mendalam bagi memaksimakan potensi sub sektor kesihatan, pendidikan dan pelancongan sebagai sumber pendapatan pertukaran asing. Khususnya, langkah-langkah akan tertumpu kepada penggalakkan pelancongan-kesihatan dan mempertingkatkan lagi industri pendidikan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau di samping mempromosi Malaysia sebagai destinasi kepada pelancong-pelancong dari lebih banyak negara-negara baru.

Pelancongan: Sebagai usaha berterusan untuk mempromosi sub sektor pelancongan, Belanjawan Tahun 2002 telah memperkenalkan beberapa langkah, termasuk langkah menambahkan peruntukan Tabung Pelancongan daripada RM200 juta kepada RM400 juta, melanjutkan tempoh penggunaan insentif cukai yang sedia ada untuk tempoh lima tahun lagi kepada pengusaha pelancongan yang mengatur program lawatan bagi pelancong luar negara dan pelancong tempatan dan memberikan pengecualian duti eksais ke atas pembelian kereta nasional kepada pengusaha kereta sewa. Dalam membangunkan pelayaran santai sebagai produk pelancongan, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.4 juta untuk pembinaan perhentian samudera di samping mengumumkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% bagi tempoh lima tahun ke atas pendapatan syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan menyewakan kapal layar dan bot bermotor mewah. Selain daripada terus menjadi tuan rumah dalam acara kebudayaan, sukan dan perniagaan yang utama di Malaysia, langkah-langkah telah disediakan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli-belah serantau menjelang tahun 2003.

Sub sektor kewangan: Memandangkan program penggabungan institusi perbankan berlaku semasa pemulihan yang nyata dalam kunci kira-kira sistem perbankan, tumpuan dasar kewangan bagi tahun 2002 ialah untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan di dalam fasa pertama Plan Induk Sektor Kewangan (PISK). Ini termasuklah tumpuan terhadap usaha untuk meningkatkan kapasiti kumpulan perbankan dengan menanda aras, meningkatkan kemahiran, mengukuhkan urus tadbir korporat, menggalakkan penghantaran saluran-saluran baru serta mempertingkatkan promosi kebolehlenturan operasi supaya menjadi lebih cekap dan berkesan.

Di samping itu, langkah-langkah yang akan diambil pada tahun 2002 merangkumi usaha meningkatkan piawaian minima untuk pengurusan risiko pasaran bagi institusi perbankan; menyeragamkan garis panduan, amalan-amalan terbaik dan keperluan mengawal selia peniaga terkecuali dan syarikat broker saham; memanjangkan garis panduan kawalan yang berhemat untuk meliputi syarikat di bawah institusi perbankan dan anak syarikat mereka; dan mengukuhkan rangka kerja pengawalan bank-bank pelaburan. Di pasaran modal, syarikat yang tersenarai yang mempunyai kedudukan kewangan yang tidak memuaskan atau mempunyai modal yang diterbitkan di bawah paras minima, akan diberikan tempoh lanjutan sehingga bulan Disember 2002 untuk mematuhi keperluan penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang telah diterbitkan pada tahun 2001.

Dalam usaha untuk terus memperbaiki persekitaran yang boleh menyokong aktiviti ekonomi, BNM akan mempergiatkan usaha untuk menggalakkan peranan institusi kewangan pembangunan (IKP) bagi memperlengkapkan lagi peranan sistem perbankan. Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta IKP), yang dikuatkuasakan pada 15 Februari 2002 telah digubal untuk menyediakan garis panduan kawalan yang lengkap dan berkesan ke atas IKP, dengan penekanan diberi terhadap keselamatan dan kekukuhan keadaan kewangan dan operasi. Dalam hal ini, langkah-langkah pada tahun 2002 akan ditumpukan ke arah mengukuhkan garis panduan kawalan dan membina kapasiti IKP, seperti yang termaktub dalam PISK. Secara keseluruhan, langkah-langkah tersebut adalah bertujuan untuk menyusun semula fungsi IKP bagi membolehkan institusi-institusi tersebut memberi sumbangan yang strategik kepada ekonomi.

Seiring dengan sektor perbankan konvensional, rangka kerja pengawalan dan struktur operasi institusi perbankan Islam akan diperkukuhkan lagi untuk meningkatkan daya tahan. Akta Perbankan Islam, 1983 dan Akta Institusi Perbankan dan Kewangan, 1989, sedang disemak semula, manakala tumpuan kini adalah kepada usaha memperbaiki struktur institusi perbankan Islam. Langkah-langkah kawalan dan usaha-usaha mempromosi dijangka menyokong industri perbankan Islam yang mencakupi bahagian pasaran yang lebih nyata iaitu kira-kira 9% (tahun 2001: 8.2%) berbanding jumlah aset sistem perbankan. Tambahan lagi, kemajuan berterusan industri perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dijangka dapat dicapai melalui penyeragaman dan penyelarasan piawai berhemat untuk perbankan dan kewangan Islam di bawah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang akan ditubuhkan pada tahun 2002.

Dalam industri insurans, permodalan oleh syarikat insurans terus diperkukuhkan ekoran peningkatan keperluan berkanun minimum kepada RM100 juta berkuatkuasa 30 September 2001, yang telah memajukan lagi konsolodasi Januari 2002, tujuh cadangan penggabungan dan pemerolehan melibatkan 13 syarikat insuran di pelbagai peringkat perlaksanaan. Konsolidasi industri insurans yang masih berjalan, yang dijangka diteruskan pada tahun 2002 akan melahirkan syarikat insurans yang kian kukuh dan berdaya maju dari segi ekonomi, justeru akan meningkat daya tahan industri ini. Dalam usaha melindungi kepentingan pengguna, langkah-langkah khusus telah ditetapkan pada tahun 2002 bagi meneruskan penggunaan amalan 'nasihat terbaik' dan memperkenalkan penasihat kewangan bebas untuk membolehkan pengguna-pengguna Malaysia memperoleh nasihat kewangan yang profesional mengenai opsyen kewangan. Langkah-langkah prestasi yang khusus dan tanda aras juga dibangunkan oleh Bank untuk menilai perkembangan yang dicapai oleh industri insurans berhubung dengan objektif-objektif dan cadangan-cadangan yang digariskan di bawah PISK.

Perusahaan kecil dan sederhana (IKS): Bagi memenuhi cabaran-cabaran persekitaran global, strategi yang bersepadu sedang dirangka untuk membolehkan IKS menyediakan rantaian penting dalam pembangunan ekonomi yang menyeluruh. Pada bulan Disember 2001, BNM telah memulakan satu kajian komprehensif ke atas IKS tempatan untuk mengenal pasti keperluan mereka dan seterusnya memadankan keperluan tersebut pada setiap tahap kitaran perniagaan, dalam bidang seperti pembiayaan, latihan, pengurusan, kepakaran pemasaran dan pembangunan IT. Sokongan infrastruktur dan perniagaan untuk IKS akan menyediakan satu strategi yang menyeluruh dan khusus yang membolehkan IKS berdaya maju di peringkat serantau dan menjadi pengusaha peringkat dunia yang menumpukan kepada nilai, dorongan pelanggan, berorientasikan kepantasan, berasaskan maklumat, fungsi bersilang, fleksibil dan berangkaian. Strategi akan tertumpu kepada tiga bidang utama: meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengeluaran, menggalakkan pengeluaran berkualiti tinggi, produk berbeza dan bernilai tinggi yang mencapai piawaian dunia serta menggalakkan inovasi dan kreativiti.

Produktiviti: Memandangkan persaingan di pasaran sedunia dan serantau akan bertambah sengit dengan bertambahnya komitmen WTO dan AFTA, peningkatan produktiviti menjadi penting bagi pertumbuhan ekonomi dan daya saing Malaysia, memandangkan Malaysia tidak dapat lagi menawarkan pasaran buruh yang murah. Langkah-langkah sememangnya telah sedia ada untuk mengubah ekonomi kepada ekonomi berasaskan produktiviti yang bercirikan pekerja berpengetahuan. Langkah-langkah ini termasuklah memperbaiki infrastruktur sokongan untuk menggalakkan perkembangan produktiviti dan pemberian insentif cukai kepada sektor swasta bagi mengurangkan kos pemindahan mereka daripada strategi yang didorong pelaburan kepada yang didorong produktiviti.

Secara keseluruhannya, Kerajaan akan kekal komited untuk memastikan Malaysia terus menawarkan kos berdaya saing dan lokasi berdaya maju kepada kedua-dua pelabur asing dan tempatan. Usaha-usaha untuk menilai struktur insentif bagi daya saing akan berterusan, sebagaimana peningkatan berterusan ke atas infrastruktur fizikal dan pentadbiran untuk mencapai piawaian bertaraf dunia. Untuk menggalakkan pelaburan semula, semasa Belanjawan Tahun 2002, Kerajaan telah melanjutkan tempoh Elaun Pelaburan Semula daripada lima tahun kepada 15 tahun berturut-turut, bermula daripada tahun pertama pelaburan semula dibuat. Beberapa insentif utama yang diperkenalkan merangkumi langkah-langkah cukai untuk memberi manfaat, di antaranya kepada industri jentera dan peralatan, aktiviti hiliran dalam sektor berasaskan sumber (industri berasaskan getah, kelapa sawit, kayu balak dan makanan) dan perkhidmatan berkaitan pembuatan (logistik bersepadu, sokongan pemasaran dan perkhidmatan utiliti).

Bagi menyokong sub sektor separa konduktor dan elektronik, senarai aktiviti-aktiviti yang digalakkan dan produk-produk bagi syarikat berteknologi tinggi telah ditambah oleh Kerajaan untuk merangkumi teknologi elektronik maju, bioteknologi, elektro-optik dan optik bukan linear, bahan-bahan bertahap maju, optoelektronik, kejuruteraan perisian, sumber tenaga alternatif dan angkasa lepas. Program kerjasama di antara universiti-universiti tempatan dan Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan industri akan digalakkan lagi untuk menyediakan satu platform untuk penyelidikan dalam pelbagai bidang yang digalakkan. Secara kesimpulannya, Kerajaan akan berusaha untuk memaksimumkan sumbangan oleh kedua-dua sistem pendidikan dan sektor perniagaan untuk lebih membangunkan budaya keusahawanan.

Memandangkan usaha akan terus ditumpukan ke arah meningkatkan perubahan struktur dalam ekonomi dengan tumpuan yang lebih kepada aktiviti berasaskan pengetahuan dan inovasi produk, ekonomi negara justeru itu akan terus menyediakan pelbagai peluang kepada pelabur asing dan tempatan di sektor tradisional dan juga sektor pertumbuhan yang baru. Dari segi FDI, industri yang mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi dan pelaburan berkualiti tinggi akan digalakkan untuk melabur di negara ini supaya dapat dibezakan di pasaran global. Pendirian Kerajaan adalah supaya FDI bukan hanya untuk menambahkan stok modal negara, tetapi juga untuk memainkan peranan dalam meningkatkan daya saing negara melalui peningkatan produktiviti. Oleh itu, keutamaan akan diberi kepada promosi pelaburan ke dalam MSC dan dalam industri perkilangan dan perkhidmatan yang mempunyai pengkhususan dalam teknologi, modal intelektual yang tinggi, kandungan import yang rendah dan pulangan yang besar. Tambahan lagi, pakatan strategik yang berfaedah kepada kedua-dua pihak dari segi pengwujudan nilai dan penghantaran akan turut digalakkan, terutamanya dalam sektor seperti tenaga, pelabuhan, kewangan dan juga industri penerbangan dan kereta nasional.

Dengan integrasi pasaran global yang semakin meningkat, strategi eksport Malaysia adalah untuk mengekalkan bahagian pasaran di pasaran tradisional, manakala usaha berterusan telah diambil untuk menjadikan barangan dan perkhidmatan tertentu Malaysia sepadan dengan kehendak pengguna yang semakin meningkat dan pelbagai di pasaran yang baru muncul. Insentif cukai turut memberi manfaat kepada syarikat perdagangan antarabangsa Malaysia dan syarikat yang terlibat dalam eksport perkhidmatan. Perbelanjaan berkaitan dengan promosi barangan dan perkhidmatan eksport serta perbelanjaan yang ditanggung apabila mendaftar hak cipta di luar negara telah diberi layanan cukai yang istimewa. Perhatian yang khusus turut diberi untuk mempromosi jenama Malaysia di pasaran antarabangsa agar persaingan eksport tidak hanya bergantung kepada harga, tetapi juga kepada tahap teknologi dan pengenalan jenama.

Berdasarkan kepada perkembangan di luar negara, pengurusan ekonomi pada tahun 2002 akan tertumpu kepada rangka kerja luas yang komprehensif untuk Malaysia meningkatkan

keupayaan daya saing agar "berada di hadapan kelok". Dalam menguruskan kesan persaingan yang lebih sengit, dasar makroekonomi yang kukuh akan disokong oleh dasar struktural untuk meningkatkan kapasiti yang sedia ada dan meningkatkan pertumbuhan produktiviti jangka panjang. Di samping memberi perhatian kepada kitaran perniagaan keseluruhan mengikut konteks dan perspektifnya, perubahan struktural terutamanya bertujuan untuk menghasilkan penyelarasan dalam negeri dan menumpukan kepada asas-asas yang saling melengkapi bagi mencapai pertumbuhan yang kekal kukuh.

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2002

Dasar monetari pada tahun 2002 kekal akomodatif bagi menyediakan persekitaran yang sesuai untuk menyokong proses pemulihan ekonomi. Teras dasar ini dilaksanakan berpandukan kepada penilaian ke atas imbangan risiko yang cenderung ke arah pemulihan yang sederhana dalam aktiviti ekonomi di Malaysia. Oleh kerana inflasi dalam negeri dijangka kekal rendah, dasar monetari akan terus mempertingkatkan kesan positif yang telah diperolehi daripada dasar kewangan yang longgar yang dilaksanakan sejak tahun 1998, bagi memastikan supaya proses pemulihan ekonomi bertambah kukuh. Dari segi kadar pertukaran, tumpuan dasar adalah bagi memastikan asas ekonomi terus menyokong kadar pertukaran tetap.

Teras dasar monetari pada tahun 2002 akan terus dipengaruhi oleh perkembangan global dan dalam negeri. Di persada antarabangsa, tanda-tanda menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi dunia yang diterajui oleh AS akan hanya berlaku pada kadar yang sederhana pada tahun 2002. Prospek perdagangan dunia dan permintaan global ke atas barangan elektronik juga telah pulih. Dijangkakan bahawa dasar dalam negeri Amerika Syarikat (AS) akan terus menyokong usaha-usaha untuk menggalakkan pemulihan ekonomi, terutama dalam meningkatkan keyakinan pengguna dan perniagaan. Meskipun terdapat tanda-tanda positif ke arah pemulihan yang lebih kukuh, masih terdapat beberapa risiko, termasuk pengukuhan penggunaan di AS, serta perubahan yang besar dalam mata wang utama yang boleh menjejaskan proses pemulihan. Berlatarbelakangkan persekitaran luar negara ini, ekonomi Malaysia dijangka akan mencatat pertumbuhan yang sederhana. Inflasi pula dijangka akan hanya meningkat sedikit memandangkan terdapat lebihan kapasiti di beberapa sektor di dalam ekonomi.

Berdasarkan prospek pertumbuhan ekonomi yang sederhana serta inflasi yang rendah, teras utama dasar monetari akan terus ditumpukan untuk mendorong pemulihan aktiviti ekonomi dalam negeri. Menyedari terdapatnya lat di antara pelaksanaan dan kesan dasar, terdapat kelebihan untuk meneruskan pelaksanaan dasar yang akomodatif semasa tempoh pengukuhan ekonomi. Oleh kerana jangkaan inflasi bukan satu risiko pada masa terdekat, dasar yang akomodatif dapat dilaksanakan dengan lebih fleksibiliti.

Dengan itu, pelaksanaan dasar monetari pada tahun 2002 akan tertumpu kepada empat pertimbangan utama. Pertama, dasar monetari bertujuan untuk mengekalkan persekitaran operasi yang stabil bagi memudahkan aktiviti perniagaan. Diakui juga bahawa pengekalan kestabilan makroekonomi memerlukan koordinasi yang rapat di antara dasar-dasar monetari, fiskal dan struktural. Dasar monetari akan terus meningkatkan keberkesanannya dalam menyokong dasar-dasar lain bagi memastikan gabungan dasar yang optima. Dalam hal ini, dengan prospek pemulihan ekonomi yang lebih baik, pengekalan dasar monetari akomodatif yang dilaksanakan pada masa kini, di samping unjuran inflasi yang rendah telah membolehkan konsolidasi fiskal dilaksanakan pada tahun 2002. Ini akan membantu ekonomi untuk meraih sepenuhnya manfaat daripada pemulihan ekonomi dunia apabila ia berlaku. Pada masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan keupayaan untuk menangani sebarang kejutan seandainya keadaan sebenar adalah lebih lemah daripada yang dijangkakan.

Kedua, pelaksanaan dasar adalah berlandaskan kepada keperluan untuk memastikan bahawa paras kadar faedah akan terus menyokong pertumbuhan aktiviti ekonomi. Sejak penurunan Kadar

Dasar monetari akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Inflasi yang rendah dan asas makroekonomi yang lebih kukuh membantu mengekalkan rejim kadar pertukaran dan membolehkan dasar monetari kekal akomodatif.

Campurtangan pada 20 September 2001, perkembangan luar negara yang berkaitan dengan prospek pertumbuhan ekonomi global secara amnya bertambah positif. Keadaan ini, berserta dengan kesan kumulatif daripada pelonggaran monetari sebelum ini yang masih diteruskan, telah mengurangkan keperluan untuk melonggarkan lagi dasar monetari ketika ini. Sungguhpun begitu, BNM memantau kesemua penunjuk dan perkembangan di dalam dan luar negara yang boleh menambahkan lagi risiko makro ekonomi ke arah keadaan ekonomi yang lebih lemah.

Pertimbangan ketiga ialah keperluan untuk memastikan mekanisma transmisi yang berkesan, iaitu daripada kadar dasar kepada kadar runcit, supaya tindak balas yang lebih cepat terhadap langkah-langkah dasar kitaran balas boleh berlaku. Di dalam persekitaran yang tidak menentu, pengubahsuaian melalui proses pasaran normal mungkin tidak berfungsi pada tahap kecekapan yang diingini, terutamanya semasa industri perbankan sedang melalui proses penggabungan. Dalam hal ini, rangka kerja BLR yang diguna pakai (yang dilaksanakan pada tahun 1998), iaitu yang berlandaskan kepada Kadar Campurtangan sebagai kadar teras, terus memainkan peranannya dalam membantu peralihan yang berkesan kepada kadar faedah pinjaman yang lebih rendah. Walaupun pengaturan ini melibatkan *trade-off* seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan di antara Kadar Campurtangan 3 bulan dengan kadar antara bank 3 bulan, namun ia tidak menimbulkan sebarang risiko yang boleh menjejaskan objektif jangka panjang dasar makroekonomi.

Perlu juga ditekankan bahawa susun atur tersebut tidak lari daripada objektif jangka panjang BNM untuk menuju ke arah pendekatan berdasarkan pasaran. Ia juga tidak menghalang bank-bank daripada menetapkan kadar faedah untuk pinjaman mereka pada paras yang lebih rendah daripada paras BLR bagi mengekalkan daya saing mereka. Dalam persekitaran semasa, peningkatan kecekapan mekanisma dasar monetari telah membolehkan penyusunan semula perbankan diteruskan dengan lancar serta langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan pasaran kewangan dapat dilaksanakan. Sebagai langkah jangka panjang, BNM masih komited untuk meliberalisasikan rangka kerja BLR serta struktur kadar faedah seperti mana yang disarankan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Ini merupakan sebahagian daripada kemajuan ke arah pendekatan yang lebih berorientasikan pasaran yang akan meningkatkan lagi kecekapan mekanisma transmisi dasar monetari.

Pertimbangan seterusnya ialah untuk memastikan kemudahan dana bagi menyokong sektor-sektor utama yang telah dikenal pasti. Langkah-langkah telahpun diambil bagi meningkatkan kemudahan kredit kepada industri kecil dan sederhana (IKS), sektor pertanian dan sektor-sektor strategik yang lain di bawah dana khas. Pada masa yang sama, usaha bagi membangunkan cara pembiayaan lain akan juga dipertingkatkan untuk menyokong keperluan pembiayaan sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan, sebagai sebahagian daripada usaha keseluruhan untuk meningkatkan daya saing ekonomi jangka panjang.

Walau bagaimanapun, kejayaan di dalam menyokong pemulihan ekonomi bergantung kepada dua faktor penting: tindak balas pasaran terhadap langkah-langkah dasar kitaran balas, serta tahap fleksibiliti dalam pengurusan dasar monetari. Penilaian semasa menunjukkan bahawa pengguna dan perusahaan perniagaan dapat menerima langkah-langkah dasar. Pada masa ini, tidak terdapat sebarang faktor *'pencetus'* yang boleh mendorong kepada perubahan struktur ke atas tingkah laku pengguna yang boleh mengurangkan kesan dasar monetari. Di antara faktor-faktor *'pencetus'* ini termasuklah kemungkinan deflasi yang berpanjangan yang berhubung kait dengan kitaran turun naik di pasaran aset, dan kejatuhan dalam indeks-indeks harga pengguna dan pengeluar. Sebaliknya, permintaan bagi pinjaman persendirian terutamanya pinjaman perumahan dan kereta, masih kekal anjal kepada kadar faedah.

Penggunaan terus disokong oleh prospek guna tenaga dan pendapatan yang stabil serta kedudukan kewangan isi rumah yang baik. Kadar pengangguran masih berada pada paras yang rendah sementara kedudukan aset bersih pula masih kekal kukuh disebabkan oleh tabungan persendiran yang tinggi serta keadaan harga harta tanah dan ekuiti yang stabil. Dengan bantuan CDRC, perusahaan perniagaan telah memberi reaksi yang positif dengan mengambil peluang daripada kadar faedah yang rendah untuk bergabung serta menstruktur semula dan mengurangkan kos perniagaan mereka untuk kekal kompetitif dalam keadaan permintaan perniagaan yang berkurangan. Dengan itu, dasar akomodatif akan terus menyediakan persekitaran yang positif bagi melaksanakan proses penstrukturan dan penyusunan semula. Perusahaan perniagaan

juga akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengambil peluang daripada pemulihan ekonomi.

Pada masa yang sama, BNM terus mempunyai fleksibiliti dasar yang akan mengukuhkan skop dasar monetari untuk melakukan pelarasan sewajarnya jika berlaku perubahan arah aliran yang boleh menjejaskan momentum pertumbuhan. Pengukuhan dalam asas makroekonomi merupakan faktor penting kepada fleksibiliti dasar. Yang nyata ialah inflasi yang rendah dan kebezaan kadar faedah berbanding AS yang memihak kepada Malaysia, akan terus memberikan fleksibiliti dasar. Pada keseluruhannya, asas makroekonomi dalam negeri yang semakin baik telah membantu meningkatkan tahap toleransi kadar pertukaran ringgit berbanding kemudahubahan di dalam pasaran pertukaran asing. Keadaan ini telah membolehkan BNM untuk meneruskan dasar monetari yang pragmatik dan fleksibil bagi menggalakkan permintaan dalam negeri.

Memandang ke hadapan, cabaran yang paling kritikal ialah untuk menjangka kitaran perkembangan ekonomi serta titik tolak perubahan. Dalam keadaan semasa, penilaian yang tepat terhadap kekuatan atau kelemahan pemulihan akan membolehkan BNM untuk membina tahap rangsangan yang sewajarnya serta mengambil tindak balas dasar yang awal. Memastikan tindak balas dasar monetari yang sesuai dari segi pemilihan masa dan tahap adalah penting untuk mencapai objektif yang diingini.

Cabaran lain ialah untuk menangani potensi risiko yang mungkin terjadi di dalam sistem. Dalam hal ini, BNM akan memantau dengan rapi aktiviti-aktiviti pinjaman dan pelaburan yang dilakukan oleh pihak bank untuk memastikan ianya tidak menimbulkan risiko kepada sistem. BNM juga akan memastikan keadaan mudah tunai semasa berupaya untuk menyokong pengembangan aktiviti ekonomi tanpa menyebabkan tekanan inflasi. Bagi mencapai matlamat ini, BNM mempunyai pilihan sama ada untuk menyalurkan dana institusi kewangan yang berjumlah besar yang kini disimpan di BNM, atau menyerap lebihan mudah tunai melalui operasi pasaran, bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran ke atas dana.

Berhubung dengan kadar pertukaran, dasar akan terus ditumpu untuk memastikan ketahanan kadar pertukaran tetap dan terus memberi manfaat kepada perdagangan dan pelaburan. Sebagai sebuah ekonomi terbuka dan kecil, kadar pertukaran merupakan satu harga yang penting kepada Malaysia kerana ianya akan memberi kesan kepada keyakinan, kestabilan harga dan daya saing antarabangsa pada jangka panjang. Dengan itu, telah menjadi dasar Malaysia selama ini untuk tidak bergantung kepada perubahan kadar pertukaran untuk meraih kelebihan kompetitif, ataupun untuk bertindak balas terhadap pergerakan sementara dan jangka pendek mata wang yang mudah ubah. Dasar untuk mengekalkan daya saing antarabangsa telah dilaksanakan melalui peningkatan kecekapan dan produktiviti dan bukannya bergantung kepada kadar pertukaran. Sesungguhnya, faedah yang diperolehi daripada rejim pertukaran tetap adalah amat tinggi dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan. Kestabilan kadar pertukaran itu sendiri telah memudahkan penstrukturan semula korporat dan reformasi kewangan.

Dalam keadaan ini, komitmen yang berterusan bagi memastikan kadar pertukaran terus disokong oleh asas ekonomi, akan dapat memastikan sistem kadar pertukaran dapat memberi faedah yang tinggi kepada ekonomi. Bagi mengekalkan ketahanan rejim kadar pertukaran, tidak terdapat alternatif lain selain daripada dasar yang baik serta asas makroekonomi yang kukuh. Dengan itu, dasar-dasar ekonomi akan terus disasarkan untuk menjamin asas ekonomi utama serta memastikan sektor dalam negeri kekal fleksibil untuk melaksanakan penyelarasan dalaman yang diperlukan untuk mengukuhkan daya saing.

DASAR FISKAL PADA TAHUN 2002

Belanjawan Tahun 2002 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2001 bertujuan untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan permintaan dalam negeri, mengukuhkan daya tahan dan daya saing sektor swasta, mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi dan memastikan agihan kekayaan supaya lebih saksama. Sementara ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana berikutan pemulihan permintaan luar negara secara beransur-ansur, mengekalkan permintaan dalam negeri adalah perlu dengan terdapatnya risiko dalam pemulihan ekonomi global. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, dasar fiskal akan kekal mengembang pada tahun 2002 bagi mengukuhkan proses pemulihan ekonomi.

Sejajar dengan objektif fiskal yang berhemat, pengurangan defisit belanjawan dijangka bermula

pada tahun 2002 dengan dasar fiskal yang kurang mengembang. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memperuntukkan defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak –5.1% daripada KDNK (–RM18.8 bilion), berbanding dengan anggaran defisit fiskal pada tahun 2001 iaitu –6.5% daripada KDNK (–RM22.4 bilion). Walau bagaimanapun, disebabkan oleh prestasi hasil yang kukuh, defisit fiskal sebenar bagi tahun 2001 adalah lebih rendah daripada yang dianggarkan, iaitu pada –5.5% daripada KDNK (–RM18.4 bilion). Berasaskan ramalan hasil untuk tahun 2002 dalam Belanjawan Tahun 2002, pengukuhan fiskal pada tahun 2002 seperti dilapurkan dalam Belanjawan Tahun 2002 dijangka dapat dikekalkan.

Defisit fiskal bagi tahun 2002 akan dikekalkan pada paras terkawal bagi mengimbangi objektif jangka pendek yang bertujuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan ketahanan dasar fiskal pada jangka masa panjang. Defisit fiskal pada tahun 2002 dijangka tidak akan membawa risiko kepada ekonomi, memandangkan asas ekonomi Malaysia terus kekal kukuh. Perkembangan fiskal dijangka tidak akan mengakibatkan inflasi yang lebih tinggi dengan adanya lebihan kapasiti dalam ekonomi. Begitu juga, perbelanjaan Kerajaan dijangka tidak akan mengakibatkan aliran keluar oleh kerana kebanyakan perbelanjaan dianggarkan mempunyai kandungan import yang minima.

Peruntukan perbelanjaan akan terus tertumpu kepada program dan projek yang mempunyai kesan gandaan yang tinggi ke atas aktiviti dalam negeri serta meningkatkan produktiviti ekonomi pada jangka masa panjang. Dari segi peruntukan pembangunan, penekanan terus diberi kepada sektor sosial, terutamanya pendidikan dan latihan. Keutamaan yang tinggi juga diberikan kepada pembangunan pertanian dan luar bandar, mencerminkan dasar Kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai penjana ketiga pertumbuhan ekonomi. Pembangunan infrastruktur dan perindustrian tertumpu kepada perusahaan kecil dan sederhana. Pembangunan e-dagang juga diberi perhatian khusus.

Tambahan lagi, pakej fiskal juga mengandungi langkah-langkah cukai dan bukan cukai untuk merangsang aktiviti ekonomi. Langkah-langkah bagi menggalakkan penggunaan melalui peningkatan pendapatan boleh guna termasuk penurunan kadar cukai pendapatan individu di antara 1 hingga 2 mata peratusan kepada 0-28% serta kenaikan gaji sebanyak 10% untuk kakitangan Kerajaan.

Di samping memberi perhatian dalam objektif meningkatkan penggunaan, Belanjawan terus memberi penekanan terhadap objektif jangka masa panjang, iaitu meningkatkan daya saing bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Berbagai insentif fiskal ditujukan untuk menggalakkan pelaburan dalam aktiviti berasaskan sumber dan sektor perkhidmatan serta meningkatkan kecekapan bagi memenuhi keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan. Di antaranya termasuk langkah-langkah menggalakkan pelaburan, iaitu elaun pelaburan semula yang dilanjutkan kepada 15 tahun (daripada 5 tahun) dan pengecualian cukai ke atas syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran mesin dan peralatan, pengeluaran makanan serta pelaburan semula dalam pengeluaran getah, kelapa sawit dan kayu balak. Terdapat juga insentif fiskal untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan daya saing. Duti import ke atas beberapa barangan juga dikurangkan atau dimansuhkan. Elaun bangunan industri telah diberi untuk membeli bangunan dan hotel. Insentif juga diberi untuk menggalakkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam semua aktiviti ekonomi. Beberapa insentif juga diperkenalkan bagi mengukuhkan imbangan pembayaran melalui promosi pelancungan dan peningkatan eksport.

Dasar berhemat yang telah dilaksanakan sebelum ini telah memberi Kerajaan kelonggaran dalam melaksanakan langkah-langkah mengembang bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Defisit semenjak tahun 1998 telah dibiayai melalui sumber bukan inflasi dengan adanya kadar tabungan dalam negeri yang tinggi dan keadaan mudah tunai yang lega. Dengan itu, pinjaman yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan tidak menjadi halangan kepada sektor swasta mendapatkan pembiayaan. Seperti pada tahun-tahun yang lalu, sebahagian besar defisit fiskal pada tahun 2002 akan dibiayai melalui terbitan SKM yang diserap terutamanya oleh dana kumpulan wang amanah pencen dan insurans.

Hutang Kerajaan Persekutuan akan terus dibendung pada paras terurus dan berhemat (43.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2001). Khidmat hutang kekal rendah (15% daripada pembiayaan mengurus atau 2.9% daripada KDNK) dan tidak menjadi halangan kepada dasar fiskal yang fleksibil. Tambahan lagi, pendedahan Kerajaan terhadap pertukaran wang asing akan dikekalkan rendah, memandangkan sebahagian besar hutang Kerajaan akan terus diperolehi daripada sumber dalam negeri yang bukan bersifat inflasi. Buat masa ini, 83%

daripada jumlah hutang yang belum dijelaskan adalah dalam bentuk mata wang tempatan. Tambahan pula, lebih daripada 60% jumlah hutang mempunyai tempoh matang lebih daripada 3 tahun. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa profil tempoh matang hutang adalah dalam tempoh matang jangka sederhana dan panjang dan memberi ruang yang mencukupi untuk mengurangkan risiko. Dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih dan sasaran Kerajaan untuk mencapai belanjawan seimbang pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, nisbah hutang kepada KDNK dijangka merosot pada jangka masa sederhana.

Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan yang berterusan untuk memudahkan prosedur pentadbiran, mengurangkan birokrasi dan memberi kuasa membuat keputusan, proses Belanjawan telah dikaji semula. Mulai tahun 2002, proses penyediaan dan pemeriksaan belanjawan akan dilaksanakan sekali dalam tempoh dua tahun berbanding dengan sekali setahun. Proses belanjawan yang memandang ke hadapan adalah untuk memastikan bahawa Belanjawan negara berkesan sebagai alat pengurusan kewangan. Khususnya, perubahan pengurusan dalam proses belanjawan dapat memberi lebih fleksibiliti dalam dasar fiskal. Ia akan mengambil kira dasar fiskal tahunan jangka pendek dan dasar dan objektif jangka sederhana dalam konteks pelan pembangunan lima tahun dan rangka rancangan jangka panjang. Di samping memastikan semua peruntukan digunakan seperti yang telah dijadualkan, proses baru ini juga dapat mempercepatkan peruntukan semula belanjawan bagi mengambil kira perkembangan dalam negeri dan luar negara yang tidak dijangkakan.